

**Kajian Tahap Stres Dikalangan Guru Sekolah Menengah:  
Perbandingan Antara Sekolah Menengah Luar Bandar Dan Sekolah  
Menengah Dalam Bandar Di Kedah**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Siswazah sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat-syarat pengijazahan  
Program Sarjana Sains (Pengurusan)  
Universiti Utara Malaysia**

**Oleh**

**MOHAMMAD RODHI BIN ABD RAHMAN**

**November 2003**

**© MOHAMMAD RODHI BIN ABD RAHMAN, 2003. Hak Cipta Terpelihara**



Sekolah Siswazah  
(Graduate School)  
Universiti Utara Malaysia

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK**  
(Certification of Project Paper)

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(I, the undersigned, certify that)

**MOHAMMAD RODHI BIN ABD. RAHMAN**

calon untuk Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)  
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk  
(has presented his/her project paper of the following title)

**KAJIAN TAHAP STRES DI KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH :**

**PERBANDINGAN ANTARA GURU SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR**

**DAN GURU SEKOLAH MENENGAH DALAM BANDAR DI KEDAH**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek  
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.  
(that the project paper acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : Prof. Madya Dr. Hassan Ali  
(Name of Supervisor)

Tandatangan :  
(Signature)

Tarikh :  
(Date)

  
28/10/03

## **KEBENARAN MERUJUK TESIS**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengurniaan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) Universiti Utara Malaysia. Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan samada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penelia Tesis atau Dekan Sekolah Siswazah terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Penyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan ke atas tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan Tesis ini samada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui

Dekan Sekolah Siswazah

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman

## **Abstrak**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara tahap stres guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar dengan salahlaku pelajar, bebanan kerja, rakan sekerja, kekangan masa dan sumber, tanggungjawab pengurusan, gaji dan kemudahan, dan teknologi. Kajian ini juga melihat perbezaan antara tahap stres guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar berdasarkan umur, jantina dan tempoh perkhidmatan. Seterusnya kajian ini mengenalpasti perbezaan tahap stres antara guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar. Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah terpilih di Kedah iaitu SMK Sultanah Bahiyah, SMK Syed Omar, SMK Kuala Nerang dan SMK Naka.

Sebanyak 304 borang soal selidik telah diedarkan kepada guru sekolah menengah dalam bandar dan sekolah menengah luar bandar. Namun hanya sebanyak 203 borang soal selidik telah berjaya dipungut iaitu seramai 85 orang guru sekolah menengah luar bandar dan 118 guru sekolah menengah dalam bandar.

Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program Statistical Package for the Social Science (SPSS). Keputusan yang diperolehi mendapati salahlaku pelajar, bebanan kerja, kekangan masa dan sumber, dan gaji dan kemudahan menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tahap stres guru sekolah menengah luar bandar. Manakala tahap stres guru sekolah menengah dalam bandar mempunyai hubungan yang signifikan dengan salahlaku pelajar, bebanan kerja dan kekangan masa dan sumber. Dilihat dari segi pengaruh kekangan masa dan sumber memberikan pengaruh yang paling tinggi kepada tahap stres guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres guru berdasarkan umur, jantina dan tempoh perkhidmatan. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan juga antara tahap stres guru sekolah menengah luar dan guru sekolah menengah dalam bandar.

Berdasarkan kepada hasil kajian ini beberapa cadangan telah dicadangkan untuk perhatian pihak sekolah, pihak guru dan penyelidik akan datang.

## **Abstract**

The purpose of the study is to identify the relationships of the level of stress between urban and rural secondary school teachers with the following factors: student misbehaviour, workload, colleagues, time and resource constraints, managerial responsibility, salary and benefits; and technology. This study also tried to find the difference in the level of stress between urban and rural secondary school teachers; based on age, gender and duration of service. Next, this research identified the difference in the level of stress between rural secondary school teachers and urban secondary school teachers. This study has been carried out at four selected secondary schools in Kedah, which are SMK Sultanah Bahiyah, SMK Syed Omar, SMK Kuala Nerang and SMK Naka.

304 questionnaires have been distributed to urban and rural secondary school teachers. However, only 203 questionnaires were successfully collected, which constituted of 85 rural secondary school teachers and 118 urban secondary school teachers.

The data collected were then analyzed with Statistical Package for the Social Science (SPSS) software. The results found that student misbehaviour, workload, time and resource constraints; and salary and benefits had significant relationship with the level of stress among rural secondary school teachers. Meanwhile, the level of stress among urban secondary school teachers had significant relationship with student misbehaviour, workload and; time and source constraints. From these four significant factors, time and resource constraints proved to have the most effect on the level of stress to both urban and rural secondary school teachers. There were no significant difference in the level of teacher's stress according to age, gender and duration of service and there were also no significant difference in the level of stress between urban and rural secondary school teachers.

Based on the findings of this study, few suggestions have been recommended for the schools, teachers and future researchers.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan keizininannya dapat saya menjalankan penyelidikan dengan lancar dan berjaya menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w yang telah membawa kita dari alam kegelapan kepada alam yang penuh dengan cahaya.

Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Hassan Ali selaku penyelia saya yang banyak membimbing, menasihati dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Dr. Jauhary Ali selaku Dekan Sekolah Siswazah dan semua staf akademik dan bukan akademik di atas kerjasama secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan thesis ini.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengarah Pendidikan Kedah, Pengetua-Pengetua yang memberi kebenaran menjalankan kajian ini. Tidak dilupakan kepada semua guru-guru yang telah memberi kerjasama yang baik semasa menjawab borang soalselidik ini.

Seterusnya ucapan terima kasih saya kepada semua pensyarah yang telah mendidik saya, sahabat- sahabat saya Mohd Zailani, Muhamad sekeluarga, Muhammad Safizal, Shuhaimi, Safinaz, Fauzwadi, Ismandi, Wawa, Rina Ilyana, Shamsinar dan ramai lagi yang tidak dapat disebutkan namanya satu persatu di atas segala bantuan samada secara material dan spiritual sepanjang pengajian saya.

Akhir sekali buat insan-insan yang istimewa dalam hidup saya Ayahanda Abd Rahman Bin Zakaria, Bonda Rafiah bt. Mat Yaakub, Cik Kosan, Mak Piahi, Mak Bidah, Mek, Kak Yah sekeluarga, Fadhilah sekeluarga, Amiruddin, Abdullah Fikri, Siti Rokiah, Mohd Lotfi, Anna Zareena yang telah banyak berkorban dan mendoakan kejayaan saya.

Mohammad Rodhi Bin Abd Rahman  
Sekolah Siswazah.

**Kajian Tahap Stres Dikalangan Guru Sekolah Menengah:  
Perbandingan Antara Sekolah Menengah Luar Bandar  
Dan Sekolah Menengah Dalam Bandar Di Kedah**

**KANDUNGAN**

|                                   |     |
|-----------------------------------|-----|
| <b>KEBENARAN MERUJUK TESIS</b>    | ii  |
| <b>ABSTRAK (BAHASA MALAYSIA)</b>  | iii |
| <b>ABSTRACT (BAHASA INGGERIS)</b> | iv  |
| <b>PENGHARGAAN</b>                | v   |
| <b>KANDUNGAN</b>                  | vi  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>             | ix  |

**BAB I      PENGENALAN**

|                                                                   |    |
|-------------------------------------------------------------------|----|
| <b>1.1. Sektor Pendidikan Di Malaysia</b>                         | 1  |
| <b>1.2. Falsafah Dan Matlamat Pendidikan Di Malaysia</b>          | 1  |
| <b>1.3. Pendidikan Pra Kemerdekaan</b>                            | 2  |
| <b>1.4. Pendidikan Selepas Kemerdekaan</b>                        | 6  |
| <b>1.4.1. Pendidikan Peringkat Pra Sekolah Dan Sekolah Rendah</b> | 10 |
| <b>1.4.2. Pendidikan Peringkat Menengah</b>                       | 11 |
| <b>1.4.3. Pendidikan Khas</b>                                     | 14 |
| <b>1.4.4. Institusi Pengajian Tinggi</b>                          | 14 |
| <b>1.4.5. Institusi Pengajian Tinggi Awam</b>                     | 15 |
| <b>1.4.6. Institusi Pengajian Tinggi Swasta</b>                   | 15 |
| <b>1.5. Peranan Guru Dalam Sektor Pendidikan Negara</b>           | 16 |
| <b>1.6. Tugas Dan Tanggungjawab Guru</b>                          | 27 |
| <b>1.6.1. Penyampai Ilmu</b>                                      | 27 |
| <b>1.6.2. Pengawal Tingkahlaku Murid</b>                          | 28 |
| <b>1.6.3. Penilai Prestasi Pelajar</b>                            | 28 |
| <b>1.6.4. Ibu Bapa Gantian</b>                                    | 29 |
| <b>1.6.5. Pelaksana Kurikulum</b>                                 | 29 |
| <b>1.6.6. Penyelidikan</b>                                        | 29 |
| <b>1.6.7. Anggota Pertubuhan Guru</b>                             | 30 |
| <b>1.6.8. Kakitangan Kerajaan</b>                                 | 30 |
| <b>1.7. Kesimpulan</b>                                            | 30 |

**BAB II      STRES DALAM SISTEM PENDIDIKAN**

|                                     |    |
|-------------------------------------|----|
| <b>2.1. Stres Yang Telah Dikaji</b> | 34 |
| <b>2.2. Stres Dikalangan Guru</b>   | 40 |
| <b>2.3. Tahap Stres</b>             | 44 |
| <b>2.4. Faktor Peribadi</b>         | 46 |

|                               |    |
|-------------------------------|----|
| 2.5. Salahlaku Pelajar        | 47 |
| 2.6. Lebihan Bebanan Kerja    | 48 |
| 2.7. Rakan Sekerja            | 49 |
| 2.8. Kekangan Masa Dan Sumber | 51 |
| 2.9. Tanggungjawab Pengurusan | 52 |
| 2.10. Gaji Dan Kemudahan      | 53 |
| 2.11. Teknologi               | 54 |
| 2.12. Ringkasan               | 54 |

### **BAB III     METODOLOGI KAJIAN**

|                                                                |    |
|----------------------------------------------------------------|----|
| 3.1. Rasional Kajian                                           | 55 |
| 3.2. Objektif Kajian                                           | 57 |
| 3.3. Kerangka Teoritikal                                       | 58 |
| 3.4. Definisi Operational                                      | 59 |
| 3.5. Populasi                                                  | 62 |
| 3.6. Teknik Pengumpulan Data                                   | 63 |
| 3.6.1. Instrumen Kajian                                        | 63 |
| 3.6.2. Kajian Rintis                                           | 66 |
| 3.6.3. Analisis Kesahihan da Kebolehpercayaan<br>Soalan Kajian | 67 |
| 3.6.4. Pengumpulan Data                                        | 68 |
| 3.6.5. Teknik Analisis Data                                    | 68 |
| 3.6.5.1. Analisis Diskriptif                                   | 68 |
| 3.6.5.2. Analisis Inferensial                                  | 69 |
| 3.7. Limitasi Kajian                                           | 69 |

### **BAB IV     DAPATAN KAJIAN**

|                                                                                                                                               |    |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.1. Maklumat Deskriptif Responden                                                                                                            | 70 |
| 4.1.1. Umur                                                                                                                                   | 70 |
| 4.1.2. Jantina                                                                                                                                | 71 |
| 4.1.3. Tempoh Perkhidmatan                                                                                                                    | 72 |
| 4.2. Analisis Korelasi Antara Tahap Stres Dengan Punca<br>Stres                                                                               | 72 |
| 4.2.1 Analisis Korelasi Punca Stres Dengan Tahap<br>Stres Dikalangan Guru Sekolah Menengah Luar<br>Bandar                                     | 73 |
| 4.2.2 Analisis Korelasi Punca Stres Dengan Tahap<br>Stres Dikalangan Guru Sekolah Menengah Dalam<br>Bandar                                    | 75 |
| 4.2.3 Analisis Korelasi Punca Stres Dengan Tahap<br>Stres Keseluruhan Guru Sekolah Menengah Luar<br>Bandar Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar | 77 |
| 4.3 Analisis Regrasi Tahap Stres Guru Dengan Punca Stres                                                                                      | 79 |



|                                                                                                                         |    |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.3.1 Analisis Regrasi bagi Tahap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar                                   | 80 |
| 4.3.2 Analisis Regrasi bagi Tahap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar                                  | 81 |
| 4.3.2 Analisis Regrasi Tahap Stres Keseluruhan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar | 82 |
| 4.4. Analisis ANOVA dan T-Test                                                                                          | 83 |
| 4.4.1 Perbezaan Tahap Stres Mengikut Umur                                                                               | 84 |
| 4.4.2 Perbezaan Tahap Stres Mengikut Jantina                                                                            | 84 |
| 4.4.3 Perbezaan Tahap Stres Mengikut Tempoh Perkhidmatan                                                                | 85 |
| 4.4.4 Perbezaan Tahap Stres antara Guru Sekolah Menengah Luar Bandar dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar             | 86 |
| <b>BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>                                                                                |    |
| 5.1 Perbincangan                                                                                                        | 87 |
| 5.1.1 Tahap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar                                                         | 87 |
| 5.1.2 Tahap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar                                                        | 89 |
| 5.1.3 Tahap Stres Keseluruhan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar                  | 89 |
| 5.1.4 Perbezaan Tahap Stres Mengikut Faktor Peribadi                                                                    | 91 |
| 5.1.5 Perbezaan Tahap Stres Antara Guru Sekolah Menengah Luar Bandar dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar             | 93 |
| 5.2 Kesimpulan                                                                                                          | 94 |
| Rujukan                                                                                                                 | 97 |
| Lampiran                                                                                                                |    |

## SENARAI JADUAL

| <b>Jadual</b>                                                                                                                           | <b>Halaman</b> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| Jadual 3.1: Jumlah Populasi                                                                                                             | 63             |
| Jadual 3.2: Soal Selidik Yang Diedarkan                                                                                                 | 65             |
| Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Umur                                                                                             | 71             |
| Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Jantina                                                                                          | 71             |
| Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan                                                                              | 72             |
| Jadual 4.4: Laporan Hubungan Korelasi Tahap Stres di Kalangan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar                                         | 73             |
| Jadual 4.5: Laporan Hubungan Korelasi Tahap Stres di Kalangan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar                                        | 75             |
| Jadual 4.6: Laporan Hubungan Korelasi Tahap Stres Keseluruhan Guru Sekolah Menengah Luar bandar dan Sekolah Menengah Dalam Bandar       | 77             |
| Jadual 4.7: Laporan ujian Regrasi bagi Tahap stres Guru Sekolah Menengah Luar Bandar                                                    | 80             |
| Jadual 4.8: Laporan ujian Regrasi bagi Tahap stres Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar                                                   | 81             |
| Jadual 4.9: Laporan ujian Regrasi bagi Tahap stres Keseluruhan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar | 82             |
| Jadual 4.10: Laporan Ujian ANOVA (Umur)                                                                                                 | 84             |
| Jadual 4.11: Laporan T-Test (Jantina)                                                                                                   | 85             |
| Jadual 4.12: Laporan Ujian ANOVA (Tempoh Perkhidmatan)                                                                                  | 85             |
| Jadual 4.13: Laporan Ujian T-Test (Perbezaan Tahap Stres Guru Sekolah Menengah Luar Bandar dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar)      | 86             |

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1. Sektor Pendidikan Di Malaysia**

Bab ini akan menjelaskan falsafah dan matlamat pendidikan serta perkembangan sektor pendidikan di Malaysia. Perkembangan ini akan ditinjau dari dua era iaitu pendidikan di era Pra Kemerdekaan dan era Panca Kemerdekaan. Bab ini juga akan menjelaskan peranan dan tugas guru dalam sektor pendidikan negara.

#### **1.2. Falsafah Dan Matlamat Pendidikan Di Malaysia**

Semua mengetahui bahawa falsafah pendidikan negara yang dirumus pada tahun 1988 dan disebut dalam Akta Pendidikan 1996 berbunyi “ *Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan*

*mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”*(Syed Othman dan Hasnan, 2001).

Falsafah Pendidikan Negara merupakan satu proses penjelasan pemikiran dan prinsip-prinsip untuk dijadikan panduan dalam pendidikan. Falsafah pendidikan dapat menentukan ke mana anak-anak harus dibawa. Falsafah dan tujuan pendidikan dapat memberikan kesatuan yang bulat kepada segala usaha pendidikan. Falsafah Pendidikan Negara adalah berasaskan kepada ideologi negara yang terdiri daripada Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan (Abdul Fatah, 2003).

Dalam rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) tujuan-tujuan pelajaran dan latihan di negara kita ialah untuk memperkukuhkan lagi sistem pelajaran bagi memupuk penyatuan dan perpaduan negara. Menyesuai dan memperluaskan sistem pelajaran dan latihan ke arah memenuhi keperluan negara iaitu tenaga kerja rakyat terutama dalam bidang sains dan teknologi. Memperbaiki mutu pelajaran bagi mengurangkan keciciran dan menambahkan kesannya bagi pembangunan negara. Meninggikan kebolehan penyelidikan, perancangan dan perlaksanaan bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut (Abdul Fatah, 2003).

### **1.3 Pendidikan Pra Kemerdekaan**

Pendidikan khususnya yang bukan formal berkembang sejak sekian lama iaitu bersama dengan penyebaran Islam di negeri –negeri semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan

Melayu pada abad keempat belas. Pedagang-pedagang Arab dan India yang beragama Islam telah menyebarkan Islam dan menjadi pelopor dalam perkembangan pendidikan tidak formal dengan membina sekolah pondok di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia seperti Perlis, Kedah, Melaka, Terengganu dan Kelantan.

Kedatangan dan seterusnya campur tangan Inggeris di Tanah Melayu dari abad kesembilan belas hingga pertengahan abad kedua puluh telah membawa perubahan besar dalam masyarakat Tanah Melayu. Fenomena ini telah menjadi masalah dan mempengaruhi perkembangan sistem pendidikan sehingga hari ini. Boleh dikatakan sistem pendidikan yang ada sekarang ini adalah warisan daripada sistem pendidikan zaman pemerintahan Inggeris. Dasar pendidikan Inggeris yang telah mengongkong lebih kurang satu abad didapati sukar untuk diubah corak dan strukturnya. Ianya seakan sebatil dalam masyarakat Malaysia. Kesukaran dalam proses perubahan ini mungkin disebabkan oleh masih adanya ciri-ciri “the old master” pada “the new master”, iaitu keengganan sesetengah kalangan masyarakat kita untuk membentuk satu identiti masyarakat baru melalui sistem pendidikan yang berautonomi (Sufean, 1996).

Sufean (1996) menyatakan pendidikan di Malaysia telah dibahagikan mengikut etnik dengan menggunakan bahasa pengantar yang berbeza, kurikulum, method dan peringkat yang berbeza. Dasar “*laissez-faire*” Inggeris dalam bidang pendidikan telah mewujudkan lima jenis persekolahan iaitu Sekolah Vernakular Melayu, sekolah Vernakular Cina, Sekolah Vernakular Tamil, Sekolah Inggeris dan Sekolah Agama Madrasah.

Laporan Barnes (1949) adalah satu laporan yang kontroversial tetapi telah memulakan usul pembentukan satu sistem pendidikan yang bersepadu dan bercorak kebangsaan. Laporan ini telah disediakan oleh jawatankuasa Barnes bertujuan untuk membubarkan sistem pendidikan vernakular yang berasingan dan menggantikannya dengan sekolah kebangsaan bagi semua kaum. Sekolah tersebut menggunakan bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar. Salah satu bahasa tersebut akan menjadi bahasa kedua. Bahasa Cina dan bahasa Tamil akan terus diajar di sekolah sebagai mata pelajaran sahaja di sekolah. Rasional penukaran bahasa penghantar tersebut adalah untuk mencapai perpaduan di kalangan kanak-kanak berbilang kaum. Cadangan-cadangan utama yang lain pula adalah seperti pembinaan sekolah vokasional moden, pembinaan maktab perguruan, penubuhan Jemaah Nazir Persekutuan, Penubuhan Penguasa Pelajaran Tempatan untuk memperkembangkan pendidikan sekolah rendah, memberikan pendidikan yang percuma kepada semua kanak-kanak dari Darjah 1 hingga Darjah 6, pelajar lepasan sekolah kebangsaan boleh melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah dan bahasa penghantarnya adalah bahasa Inggeris dan terakhir sekali adalah kurikulum menekankan mata pelajaran seperti Sains, Seni Perusahaan dan Sains rumahtangga (Ah Meng, 1989).

Pada tahun 1951 dua penasihat dari China telah didatangkan khas untuk mengkaji pendidikan Cina di negara ini. Mereka ialah Dr. W.P. Fenn dan Dr. Wu Teh Yau. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk merapatkan jurang antara sekolah Cina dengan sistem pendidikan yang bercorak perpaduan. Di samping itu mereka juga memberi bimbingan tentang penyediaan buku teks sekolah Cina yang seharusnya mengandungi unsur-unsur kehidupan di Tanah Melayu. Hasil kajian laporan mereka adalah seperti jika

orang Cina memilih untuk menguasai ketiga-tiga bahasa iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Cina, amalan ini mestilah digalakkan oleh kerajaan Inggeris, sistem pendidikan hendaklah mencapai matlamat membentuk identiti kebangsaan. Matlamat sekolah hendaklah menyediakan kanak-kanak supaya menempuh semua bidang kehidupan berlandaskan latar belakang kehidupan masyarakat mereka, apa sahaja tindakan memaksa supaya belajar satu atau dua bahasa sahaja akan mengancam perpaduan antara kaum dan banyak lagi hasil kajian yang dikemukakan oleh dua orang penasihat tersebut ( Ah Meng, 1989).

Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) telah dijadikan asas penggubalan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Tujuan utama Laporan Razak adalah untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, untuk memenuhi keperluan negara merdeka dan memperkembangkan sistem pendidikan, melahirkan perpaduan antara kaum, merapatkan jurang perbezaan antara kaum, mewujudkan sistem pendidikan yang lebih cekap dan berkesan, menyediakan kemudahan pendidikan yang mencukupi dan mewujudkan masyarakat yang berdisiplin, terlatih, bertoleransi, liberal dan progresif. Laporan Razak ini telah diterima oleh Majlis Perundangan Persekutuan dan telah disahkan oleh Ordinan Pelajaran Tahun 1957 ( Ah Meng, 1989).

Selepas pilihanraya 1959 sebuah jawatankuasa untuk mengkaji semula Laporan Razak telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini telah diketuai oleh Encik Abdul Rahman Talib. Laporan yang dikemukakan oleh Rahman Talib ini dikenali sebagai Laporan Rahman Talib. Dasar-dasar penting yang dikemukakan oleh kedua-dua laporan tersebut telah termaktub ke dalam Akta Pelajaran 1961. Antara dasar-dasar tersebut adalah seperti

pelajaran percuma kepada semua semua murid sekolah rendah, semua sekolah rendah bantuan akan berubah menjadi sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan, umur berhenti sekolah telah dilanjutkan kepada 15 tahun dengan mengadakan sekolah Pelajaran Lanjutan, murid-murid dinaikkan kelas secara automatik dengan syarat diadakan peperiksaan sekurang-sekurangnya sekali sepenggal dan peperiksaan tahunan juga diadakan. Semua peperiksaan am di sekolah-sekolah menengah akan diadakan dalam salah satu bahasa rasmi sahaja, mata pencarian guru-guru dijamin apabila sekolah mereka berubah menjadi sekolah bantuan penuh, Sistem Lembaga Pelajaran Tempatan akan digantung, Jemaah Penasihat Pelajaran Negara dan Jamaah Penasihat Pelajaran Negeri hendaklah ditubuhkan dan lain-lain lagi sebagaimana yang termaktub dalam akta Pendidikan 1961 ( Ah Meng, 1989).

#### **1.4 Pendidikan Selepas Kemerdekaan**

Tahun-tahun selepas kemerdekaan sehingga tahun 1970 boleh dianggap sebagai era penyusunan semula sistem pendidikan bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan Sarawak. Tahun-tahun 1970 sehingga 1990 merupakan era pembangunan dan pengukuhan sistem pendidikan bagi mencapai hasrat pendidikan yang berkualiti dan kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial ( Sufean,1996).

Pada era pasca-kemerdekaan ini boleh dikatakan sistem pendidikan di Malaysia telah mula tersusun. Tahun-tahun pertama adalah tahun-tahun di mana pembangunan semula telah dijalankan. Dan pada masa itu juga negara telah diancam oleh pengganas komunis. Pada masa ini penyatuan dan pembangunan bangsa adalah menjadi agenda yang sangat



penting. Semua komuniti telah digabungkan dan merupakan landasan untuk penubuhan sekolah kebangsaan. Objektif utama polisi pendidikan ini sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Laporan Razak menginginkan bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa penghantar. Bahasa Cina dan Tamil boleh digunakan sebagai bahasa penghantar di Sekolah Rendah (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Corak dan struktur pendidikan di Semenanjung Malaysia mengalami perubahan selepas Laporan Rahman Taib (1960) diusulkan dan Akta Pelajaran 1961 dikuatkuasakan khususnya di Semenanjung Malaysia ( Sufean,1996).

Sejarah pendidikan kita memainkan peranan dalam membentuk Falsafah Pendidikan Negara. Dalam Akta Pelajaran 1961 yang dilaksanakan berdasarkan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 ada dinyatakan permulaan kepada falsafah pendidikan negara. Walaupun begitu ianya tidak begitu meluas dan hanya sesuai pada zaman pembangunan negara kita pada tahun-tahun 1970an dan 80an (Syed Othman dan Hasnan, 2001).

Untuk menyahut cabaran perubahan zaman dan globalisasi maka Akta Pendidikan 1996 telah dilahirkan. Buat pertama kalinya kita melihat berbagai pengukuhan dan penegasan dilakukan oleh pihak kerajaan termasuklah teras kepada sistem pendidikan iaitu falsafah pendidikan negara. Pendidikan bertaraf dunia dan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dijadikan objektif sistem pendidikan negara masa kini. Buat pertama kalinya kita melihat bukan isu perpaduan sahaja sebagai isu utama tetapi juga isu yang lebih global seperti keperluan tenaga kerja dan keterampilan ilmu yang sesuai dalam zaman. Apatah lagi

zaman ini dikenali sebagai permulaan gelombang maklumat dan pengetahuan. Pendidikan swasta sebagai penyumbang dan ahli dalam sistem pendidikan kebangsaan diberikan perhatian yang sewajarnya. Era pra-1996 institusi pendidikan swasta boleh dianggap marginal dan tidak diiktiraf. Dalam zaman pengukuhan dan kemaskini, sistem pendidikan kebangsaan hanya merangkumi institusi pendidikan yang ditubuhkan dan diurus oleh pihak kerajaan termasuk institusi pendidikan vernakular. Kini sistem pendidikan kita merangkumi pendidikan pra sekolah hingga ke pendidikan pengajian tinggi awam dan swasta. Inilah yang dikatakan pendekatan perpaduan yang lebih relevan iaitu merangkumi semua bentuk dan peringkat institusi pendidikan dalam negara untuk dikawalselia secara lebih menyeluruh dan bersepadu (Syed Othman dan Hasnan, 2001).

Antara perkara penting yang terlaksana dalam Akta Pendidikan 1996 ialah landasan dan wawasan pendidikan adalah berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Negara, sistem pendidikan kebangsaan didefinisikan secara jelas yang meliputi semua peringkat termasuk pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, pendidikan panca-menengah dan pendidikan tinggi. Pengukuhan kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan, pendidikan swasta dikawalselia melalui akta lain, kurikulum kebangsaan diperuntukan, peruntukan peperiksaan awam yang perlu dipatuhi, bahasa kebangsaan sebagai matapelajaran wajib, peruntukan bahasa Cina, Tamil dan bahasa Orang Asli, tempoh pendidikan rendah antara 5 hingga 7 tahun, pendidikan lepas menengah, pendidikan teknik dan politeknik dipertingkatkan, peruntukan pendidikan khas, maktab-maktab perguruan, dan pengajaran Agama Islam dan moral.

Bermula tahun 1990 hingga 2000 adalah satu masa yang mencabar. Segala-galanya berubah dengan cepat dan tidak dapat dijangka. Penguasaan dalam ICT (Information and Communication Technology) amat penting untuk menghadapi era globalisasi. Malaysia sedar akan perkara ini, sesuatu harus dilakukan untuk tidak ketinggalan pembangunan teknologi dunia. Strategi, pembangunan semula, memperkenalkan institusi yang ada kaitan dan pertukaran polisi amat penting sebagai permulaan untuk menghadapi persaingan dan penembusan global di era millennium ini.

Wawasan 2020 telah diperkenalkan pada awal tahun 1990 adalah langkah awal Malaysia bagi memasuki era teknologi dan globalisasi. Untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian dan ke arah K-ekonomi, maka kerajaan perlu menyediakan sistem pendidikan bertaraf dunia bagi menghasilkan tenaga kerja yang mahir dan berdaya saing.

Kerajaan bertanggungjawab bagi memastikan semua rakyat mendapat pendidikan dan kebanyakan sekolah di negara ini adalah sekolah awam (public schools). Kerajaan memberikan pendidikan percuma kepada kanak-kanak selama 11 tahun. Kira-kira 18 peratus peruntukan tahunan disalurkan kepada bidang pendidikan. Malaysia adalah salah sebuah negara yang memberi peruntukan yang tinggi kepada bidang pendidikan (Sufean,1996).

#### **1.4.1. Pendidikan Peringkat Pra-sekolah dan Sekolah Rendah**

Kebanyakan kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 5 tahun telah memulakan pendidikan pra-sekolah mereka. Taman kanak-kanak telah dibangunkan oleh kerajaan dan juga badan persendirian (sektor swasta). Setiap garis panduan mengenai cara pengajaran dan medium telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Taman kanak-kanak menyediakan suasana yang selamat dan melatih kanak-kanak untuk menghadapi hari pertama mereka di sekolah kebangsaan.

Antara objektif pendidikan pra-sekolah ini adalah untuk menanam rasa cinta kepada negara, menyemai nilai moral dan membina peribadi, melatih kemahiran berkomunikasi, menghargai bahasa kebangsaan, mahir tentang pengajaran asas bahasa Inggeris, menghargai senamam sebagai asas kesihatan dan membina kemahiran berfikir (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Pendidikan sekolah rendah bermula pada usia 7 tahun. Ia mengambil masa 5 hingga 7 tahun. Oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum, maka kerajaan telah menyediakan dua kategori sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan. Sekolah kebangsaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa Inggeris sebagai matapelajaran wajib, manakala sekolah Jenis Kebangsaan pula menggunakan bahasa Mandarin dan Tamil sebagai bahasa pengantar. bahasa Melayu dan bahasa Inggeris adalah subjek wajib (Atan, 1984).

Pendidikan dasar telah dibahagi kepada dua tahap iaitu tahap satu dan tahap dua. Pada tahap satu iaitu tahun satu hingga tahun tiga telah ditekankan pembacaan, penulisan, dan teknik pengiraan. Pada tahap dua iaitu tahun empat hingga tahun enam, kemahiran asas yang dipelajari pada tahap satu telah ditekankan untuk membina asas yang kukuh dalam pelajaran dan sains asas. Ujian Penilaian Sekolah Rendah telah digunakan untuk menilai prestasi para pelajar. Disamping itu juga ujian-ujian lain di peringkat sekolah juga diadakan (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Antara objektif pendidikan dasar ini adalah untuk memahirkan pelajar dalam bahasa Melayu, mahir dalam kemahiran asas bahasa, untuk membangunkan dan meningkatkan daya pemikiran termasuk pemikiran rasional, kritis dan inovatif, mahir dalam pengiraan dan dapat digunakan dalam kehidupan seharian, mempunyai kemahiran berfikir dan belajar, mahir berbahasa Inggeris, untuk membentuk sifat kepimpinan dan percaya diri, sensitif terhadap orang lain dan alam sekitarnya, mahir dalam teknikal dan saintifik, memahami dan menghargai kebudayaan dan melibatkan diri dalam aktiviti riadah, mahir dalam asas keusahawanan dan produktiviti, mahir dalam pembacaan, penghafalan dan memahami maksud ayat-ayat al-Quran, meneguhkan akidah dan mempraktikkan nilai-nilai murni, untuk menyemai semangat patriotik, mengasah bakat dan kreativiti, dan membentuk peribadi yang baik (Shahril dan Habib, 1999).

#### **1.4.2 Peringkat Menengah**

Di peringkat sekolah menengah telah ditawarkan program pendidikan yang menyeluruh. Kurikulumnya merangkumi subjek sastera dan sains seperti vokasional dan mata

pelajaran teknik yang menggunakan pendekatan teknikal dan pertukangan. Terdapat juga sekolah-sekolah agama dan sekolah khas. Pada tahun 1996 konsep sekolah bistari telah diperkenal di mana ianya menumpukan kepada teknologi (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Kebanyakan sekolah menengah adalah sekolah menengah biasa. Subjek-subjek wajib dan elektif yang ditawarkan adalah seperti sains, sastera dan subjek kemanusiaan. Sesetengah sekolah menawarkan subjek pilihan seperti subjek teknologi dan teknologi maklumat. Kini terdapat sebanyak 1,465 sekolah menengah biasa di dalam negara (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Peringkat menengah rendah merangkumi tingkatan satu hingga tingkatan tiga, murid-murid yang telah selesai di peringkat sekolah rendah akan memasuki tingkatan satu di sekolah menengah biasa, manakala bagi pelajar-pelajar yang memasuki sekolah aliran Cina dan aliran Tamil mesti menduduki kelas peralihan sebelum masuk ke tingkatan satu. Bagi pelajar-pelajar kelas peralihan ini dimestikan menguasai bahasa Melayu yang menjadi bahasa pengantar untuk sekolah menengah. Tetapi bagi mereka yang cemerlang boleh meneruskan pengajian di tingkatan satu (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Setelah selesai Penilaian Menengah Rendah (PMR) di tingkatan tiga, pelajar-pelajar akan melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat Menengah Atas. Pada peringkat ini akan belajar dalam bidang yang telah dikhususkan. Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah ialah penilaian yang dibuat oleh pihak sekolah dengan berlandaskan garis panduan yang

telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Berdasarkan kepada pilihan dan kemahiran, para pelajar boleh memilih samada ingin meneruskan pengajian sastera ataupun sains di Sekolah Menengah ataupun Sekolah Agama. Beberapa sekolah Teknik dan Vokasional telah menawarkan pendidikan teknik disamping pendidikan akademik dan kemahiran pelatih. Semua sekolah samada Akademik, Teknik, Vokasional, Agama dan Pendidikan Khas mesti menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Sekolah teknik dan vokasional menawarkan pendidikan pada peringkat menengah sahaja. Mereka menyediakan pelajar yang mahir dalam bidang teknikal dan saintifik untuk bekerja sebagai juruteknik dan pekerja separuh mahir. Sekolah teknik juga menawarkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sekolah Vokasional lebih berorientasikan kerja dan kedua-dua sekolah tersebut merupakan alternatif untuk pengajian yang lebih tinggi. Sebanyak 80 buah sekolah teknik dan 4 sekolah vokasional terdapat di Malaysia (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Semua Sekolah Teknik dan Vokasional menawarkan subjek teras dan elektif dalam berbagai bidang yang berkaitan. Sekolah Teknik menawarkan subjek pilihan seperti teknologi maklumat, sains tulen, sains tambahan, pertukangan, teknologi dan subjek pilihan vokasional. Sekolah Vokasional hanya menawarkan subjek vokasional (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Sekolah menengah aliran agama ini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Pada mulanya sekolah ini hanya menawarkan pendidikan agama Islam dan bahasa Arab sahaja bagi melahirkan pelajar yang mahir dalam hal-hal agama Islam, pendidikan dan undang-undang. Tetapi pada hari ini sekolah Agama mula memperkenalkan subjek yang ada kaitan dengan sains dan teknologi. Disamping menawarkan subjek teras, sekolah agama juga menawarkan subjek elektif seperti sains tulen, seni pertukangan, teknolgi, teknologi maklumat dan pengajian bahasa. Sekolah ini masih kekal dengan keunikannya kerana masih menawarkan kursus elektif khas dalam pengajian Islam yang mana kursus ini tidak ada di sekolah-sekolah jenis lain (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

#### **1.4.3. Pendidikan Khas**

Pendidikan bagi kanak-kanak istimewa juga mendapat tempat istimewa dalam masyarakat Malaysia. Pendidikan khas menyediakan pendidikan bagi kanak-kanak istimewa seperti spastik, orang cacat, cacat penglihatan, cacat pendengaran. Mereka diberi masa yang panjang untuk menyelesaikan pengajian mereka.

#### **1.4.4 Institut Pengajian Tinggi (IPT)**

Universiti dan Kolej adalah institusi pendidikan yang paling tinggi dalam sistem pendidikan Malaysia. Pendidikan tinggi penting bagi melahirkan pekerja yang berpendidikan, berdaya saing dan dapat menyesuaikan diri dengan K-ekonomi yang telah diperkenalkan. Kerajaan sedar tentang masalah ini, tetapi disebabkan keterbatasan



kewangan maka kerajaan membenarkan pihak swasta memainkan peranan dalam sektor pendidikan. Kini kita dapat melihat persaingan sihat sektor awam dan sektor swasta dalam menyediakan pendidikan yang bermutu (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

#### **1.4.5 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)**

Hingga tahun 1990, semua universiti dibiayai oleh kerajaan. Universiti yang pertama di Malaysia ialah Universiti Malaya yang ditubuhkan pada tahun 1949 di Singapura. Tetapi setelah Singapura keluar dari Malaysia, Universiti Malaya dipindahkan ke Kuala Lumpur pada tahun 1959. Lama selepas penubuhan Universiti Malaya, maka setelah itu telah lahir banyak lagi universiti baru. Antara universiti tersebut seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Institut Teknologi Mara, Kolej Universiti Terengganu, Kolej Universiti Islam Malaysia dan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

#### **1.4.6 Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)**

Untuk menjadi sebuah pusat pendidikan yang terunggul di rantau ini, kerajaan telah memperkenalkan dasar penswastaan institusi pendidikan tinggi. Ini adalah untuk memenuhi permintaan pasaran terutamanya di bidang industri. Penswastaan institusi

pengajian tinggi adalah masih baru di Malaysia, ianya bermula pada pertengahan 1980 an. Konsep pengkorpratan di Malaysia bermula pada 1983. Ia memberi kesan kepada institusi pendidikan. Keterbatasan peluang masuk ke Institut Pengajian Tinggi Awam memberi peluang kepada kolej dan universiti swasta untuk berkembang dan menawarkan program untuk pelajar (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Antara universiti swasta yang terdapat di Malaysia ialah Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Multimedia, Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Perubatan Antarabangsa, Universiti Monash Malaysia, Universiti Teknologi Curtin, Universiti Nottingham Malaysia dan Universiti Industri Selangor. Di samping itu banyak lagi kolej swasta yang ditubuhkan bagi menyediakan kemudahan pendidikan (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

### **1.5 Peranan Guru Dalam Sektor Pendidikan Negara.**

Sebelum kita memahami peranan guru dalam sektor pendidikan negara terlebih dahulu kita perlu melihat falsafah pendidikan negara. Dari sudut sejarah, falsafah pendidikan negara lahir daripada proses yang agak panjang iaitu satu proses pembinaan bangsa dan negara Malaysia semenjak merdeka lagi.

Sistem pendidikan di Malaysia yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara bertujuan untuk memperkembangkan potensi individu secara bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Matlamat Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berakhlak mulia,

bertanggungjawab serta berkeupayaan memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Abu Hassan, 1992).

Untuk mencapai matlamat ini kita harus mengharungi beberapa perubahan yang berlaku di negara kita dan di dunia. Masyarakat dunia pada kurun ke-21 sudah mula memperkatakan “computer literacy”. Pembangunan sesebuah negara diukur dengan kualiti guna tenaganya (Abu Hassan, 1992). Ini bermakna sistem pendidikan sesebuah negara perlu berupaya meningkatkan kualiti , menambahkan kuantiti dan memenuhi keperluan tenaga kerja di pasaran semasa dan akan datang.

Para guru adalah golongan manusia yang memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal manusia (Noran,1990). Perguruan adalah satu profesion yang bermatlamatkan pembentukan insan yang sempurna agar dapat mengerti peranan dan tanggungjawab mereka terhadap diri sendiri , masyarakat, alam yang mereka alami serta keesaan Allah. Dalam perseptif Islam pula kedudukan guru adalah sama dengan pemimpin negara dan satu ibadah yang dituntut (Sufean, 1996). Daripada gurulah seseorang dapat mempelajari banyak perkara yang berkaitan dengan kehidupan. Pada zaman dulu seseorang mempelajari bagaimana memburu, menggunakan senjata, mempertahankan diri dan memerangi musuh daripada guru. Kini manusia mempelajari berbagai jenis ilmu dan kemahiran sejak dari kecil hinggalah ke peringkat dewasa termasuklah daripada guru.

Sistem pendidikan telah berkembang pesat sejajar dengan perkembangan permintaan terhadap pendidikan disebabkan oleh faktor demografik dan dasar pendidikan

demokratik. Perkembangan ini memerlukan pertambahan guru bagi menampung keperluan guru di sekolah-sekolah. Tanggungjawab dan beban kerja guru telah bertambah kerana mereka bukan saja menjadi seorang pendidik tetapi juga terlibat dengan tugas-tugas lain. Namun begitu peranan guru tetap dipandang rendah dan kurang diperolehi oleh segelintir masyarakat apatah lagi mengiktiraf guru sebagai profesional ataupun memahami masalah guru dan sekolah (Sufean, 1990).

Kalau dulu sebelum merdeka guru memainkan peranan penting dalam mencipta dasar pendidikan kebangsaan dan melaksanakan dasar pendidikan tersebut. Mereka juga berperanan penting dalam membangkitkan semangat nasionalisme, memperjuangkan bahasa Melayu dan menjadi perintis dalam penulisan buku. Kini guru mempunyai berbagai peranan dalam sektor pendidikan, masyarakat dan lain-lain lagi (Sufean, 1990).

Pada awal selepas kemerdekaan dalam usaha melaksanakan falsafah dan matlamat pendidikan kebangsaan, peranan guru amat penting bagi :

- a. Mewujudkan perpaduan kaum dan penghapusan polarisasi kaum.

Guru mestilah memastikan perlaksanaan bahasa Malaysia dalam pendidikan berjalan dengan licin. Ini adalah bagi memastikan pelajar berbilang kaum boleh memahami percakapan antara satu sama lain. Amalan ini akan meningkatkan lagi perpaduan antara kaum. Pelajar juga diajar supaya menghormati adab resam, kebudayaan dan kepercayaan berbilang kaum di negara ini. Guru juga mesti memupuk sifat sabar, ikhlas, toleransi, bertolak ansur dan lain-lain lagi dalam pengajaran mereka (Ah Meng, 1989).

Guru mesti memastikan setiap aktiviti yang diadakan mestilah disertai oleh murid yang berbilang kaum. Kunjung mengunjung antara satu sama lain amat penting bagi mengeratkan tali perhubungan antara kaum ( Ah Meng, 1989).

b. Peneguhan Pembentukan Sikap Kenegaraan.

Proses pendidikan menggalakkan perkembangan diri individu dan orientasi terhadap masyarakat dan negara untuk membolehkannya menjadi warganegara yang berguna, patriotik dan bertanggungjawab. Dalam hal ini peranan guru penting untuk menerangkan kepada murid supaya menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab. Aspek sejarah dan geografi dapat diterangkan oleh guru yang mengajar mata pelajaran tersebut, pemupukan nilai-nilai yang baik pula diajarkan melalui pendidikan moral, bagi pelajar Muslim pengetahuan berasaskan al-Quran dan Sunnah diajarkan bagi menjadi seorang muslim yang sejati dan dapat membentuk satu masyarakat yang sejahtera. Begitu juga dengan subjek lain., peranan guru adalah untuk menyebarkan ilmu yang ada kaitan dengan perkembangan negara (Ah Meng, 1989).

Pendidikan kenegaraan juga perlu untuk menyemai rasa cinta dan tanggungjawab kepada negara. Begitu juga dengan gerak kerja kokurikulum seperti sukan, gotong royong, badan beruniform dan lain-lain lagi membolehkan pelajar berintraksi antara satu sama lain, semangat kekeluargaan dan perpaduan dapat disemai dan dipupuk. Budaya kenegaraan di sekolah seperti menyanyikan lagu kebangsaan, lagu sekolah, lagu patriotik dan pembacaan ikrar boleh memupuk semangat cintakan negara (Ah Meng, 1989)

Sebagai kesimpulan pemupukan nilai-nilai dan sikap kenegaraan adalah tugas guru yang memahami dan menghayati aspirasi dan hasrat negara yang berlandaskan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. Guru hendaklah mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan bagi pelajar mengembangkan pengetahuan, kemahiran fizikal serta memupuk semangat kenegaraan. Pembinaan dan pemupukan semangat cintakan negara adalah tanggungjawab bersama. Semangat berkerjasama dan sikap sedia memberi dan menerima di kalangan guru akan dapat menghasilkan individu-individu yang mencintai serta merasa bangga terhadap bangsa dan negara (Ah Meng, 1989).

c. Penerapan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Malaysia.

Sejak kebelakangan ini banyak gejala keruntuhan moral di kalangan pelajar dilaporkan.. Maka penerapan nilai-nilai moral amat penting bagi membendung masalah ini. Pendidikan moral bertujuan untuk menanamkan kepada pelajar nilai kemanusiaan selaras dengan prinsip rukun negara agar mereka dapat memberi kebaikan kepada masyarakat dan negara (Ah Meng, 1989).

Untuk merealisasikan dan membendung masalah ini peranan guru amat penting bagi membimbing murid kearah penghayatan nilai-nilai murni, pertumbuhan jasmani, emosi dan rohani untuk menjadi seorang rakyat yang mendukung prinsip-prinsip Rukun Negara. Dengan strategi yang berkesan setra adanya penghayatan nilai-nilai murni di kalangan pelajar maka diharapkan taraf akhlak yang tinggi akan dapat dicapai. Dengan ini terbentuklah individu yang dapat memainkan peranan sosial yang aktif secara

berkesan , sistematik dan bertanggungjawab dalam menganalisis perlakuan dan masalah yang dihadapinya ( Ah Meng, 1989).

d. Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pendidikan

Dalam Islam terkandung berbagai ilmu pengetahuan, pengajaran dan contoh teladan yang mempunyai nilai-nilai yang tinggi untuk diteladani dan dihayati. Pengajaran yang betul dan sempurna dapat menjamin manusia kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dalam pendidikan beberapa ciri dan nilai Islam boleh diterapkan.

Penggunaan akal secara baik dan sempurna dapat membantu proses pendidikan. Sikap tanggungjawab, amanah dan jujur sebagaimana yang diajarkan oleh Islam perlulah dititikberatkan di sekolah. Dengan ini akan dapat memantapkan lagi iman pelajar dan rasa cinta mereka terhadap agama bangsa dan negara (Ah Meng, 1989).

e. Pembentukan Insan Yang Cemerlang Dan Harmoni

Sebagaimana yang termaktub dalam falsafah pendidikan negara bahawa pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha berterusan kearah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai

kesejahteraan diri serta memberi sumbangan keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Ah Meng, 1989).

Aspek intelek merangkumi hikmat, daya pemikiran yang ligik, analitis, kreatif dan inovatif serta ilmu pengetahuan yang benar. Guru bukan saja membimbing murid sekadar untuk lulus dalam peperiksaan tetapi juga melatih murid supaya berfikiran kreatif dan logis (Ah Meng, 1989).

Aspek kerohanian dan emosi merangkumi keyakinan terhadap tuhan, kepercayaan beragama, kemantapan jiwa, penghayatan nilai-nilai murni dan norma masyarakat, berbudi pekerti mulia, berbakti dan berkorban (Ah Meng, 1989).

Aspek fizikal pula merujuk kepada kecergasan fizikal, kesihatan diri, pemanfaatan anggota dan tenaga. Ini boleh dibentuk melalui pendidikan jasmani, sukan serta permainan dan kegiatan-kegiatan kokurikulum di sekolah.

Aspek kepercayaan kepada tuhan bermakna seseorang individu itu yakin bahawa manusia dan alam tidak terjadi dengan sendiri tetapi ada pencipta dan hukum-hukum alam adalah hukum-hukum tuhan. Pendidikan agama dapat memupuk kepercayaan pelajar kepada tuhan serta membina kepatuhan kepadanya ( Ah Meng, 1989).

Peranan guru amat besar bagi membentuk insan harmoni dan seimbang, mempunyai ilmu pengetahuan, bertanggungjawab, berupaya mencapai keseimbangan dan keharmonian diri serta rela berbakti dan berkorban untuk masyarakat dan negara (Ah Meng, 1989).



f. Menanam Sifat Minat Membaca.

Guru berperanan bagi menanam minat membaca dikalangan pelajar. Guru mesti mencari jalan bagaimana untuk mewujudkan minat membaca dikalangan murid. Dengan membaca ianya dapat meluaskan pengetahuan murid. Suasana yang baik dan tenang perlu diwujudkan bagi merialisasikan hasrat ini (Ah Meng, 1989)

Kini dengan adanya teknologi maklumat pelajar mesti digalakkan untuk memahirkan diri dalam bidang ini. Guru perlu melatih pelajar mencari bahan-bahan melalui internet serta menimbulkan betapa pentingnya pengetahuan teknologi maklumat dalam kehidupan masa kini.

Penekanan terhadap penguasaan bahasa Inggeris juga perlu bagi pelajar untuk bersaing dalam era globalisasi ini. Tanamkan minat membaca bahan bacaan yang berbahasa Inggeris di kalangan mereka.

g.. Menanam Sikap Berdikari.

Dalam dunia yang serba mencabar ini sikap berdikari amat penting bagi menghadapi cabaran yang bakal mendatang. Oleh itu sikap berdikari perlulah dipupuk. Berbagai cara boleh dilakukan oleh guru dalam usaha untuk memupuk sikap berdikari.

Guru perlulah menggunakan strategi-strategi sikratik, dapatan dan inkuiri-penemuan. Kesemua strategi tersebut memerlukan pelajar mencari jawapan dan kesimpulan sendiri tanpa bergantung kepada guru. Pelajar mesti mencari jawapan tersebut dengan pembacaan di perpustakaan dan dengan menggunakan teknologi terkini seperti internet.

Guru hendaklah menaruh kepercayaan kepada pelajarnya. Setelah satu tugas diberikan guru tidak perlu membuat penyeliaan yang ketat. Kepercayaan guru seperti ini akan menumbuhkan sikap sendiri yang positif. Sikap sendiri yang positif amat perlu bagi pembentukan sikap sendiri (Ah Meng, 1989).

Banyak lagi bentuk yang boleh dilakukan oleh guru dalam membentuk sikap berdikari ini seperti dengan tidak menyindir dan memalukan pelajar dihadapan pelajar lain, memberikan ganjaran dan pujian terhadap sesuatu kejayaan muridnya, memberi peluang kepada pelajar memegang jawatan penting dalam aktiviti kokurikulum, dan meminta pendapat pelajar tentang sesuatu perkara (Ah Meng, 1989).

Pada abad ke 21 ini sistem pendidikan telah berubah sejajar dengan perubahan aspek ekonomi, budaya dan politik. Modal intelektual menjadi lebih penting daripada kekayaan yang berupa tanah, wang atau bahan mentah. Budaya korporat yang menjadikan asas pendemokrasian kuasa akan menggantikan amalan hirarki tradisional persaingan melepasi batas kawasan kepada persekitaran sejagat dan terlalu sengit. Pendek kata prinsip dan nilai sejagat akan menentukan kejayaan sesuatu institusi, organisasi atau negara. Oleh itu sistem pendidikan dan persekolahan dalam menghadapi gelombang perubahan alaf baru

perlu berfungsi pada landasannya untuk menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara.

Tuntutan abad ke 21 dilandaskan kepada tuntutan wawasan 2020. Selari dengan tuntutan tersebut penyediaan sumber manusia berkualiti hendaklah dihasilkan oleh sistem pendidikan kita. Perdana Menteri telah menggariskan ciri-ciri generasi yang hendak dilahirkan untuk mewarisi alaf baru akan datang iaitu kaya maklumat (termasuk sains dan teknologi), kekuatan minda (kreatif dan produktif), nilai-nilai luhur dan murni, semangat jati diri, jaya diri dan keusahawanan, dan keterampilan.

Merujuk kepada cabaran-cabaran abad 21 itu maka para pendidik mempunyai tanggungjawab melaksanakan peranan mereka secara komited dan ikhlas:

i. Membina Budaya Ilmu

Pendidik mesti mampu menyusun dan mensepadukan ilmu dengan perkembangan semasa. Pendidik perlu mengorak langkah melengkapkan diri dengan keterampilan sebagai pemimpin ilmu yang berasaskan teknologi serta bersedia menjurus kepada penguasaan dan penggunaan teknologi maklumat untuk pelbagai bidang dan menjadi mekanisma urusan harian.

Pelajar mesti dididik menggunakan daya fikir tinggi dan minda untuk melahirkan pelajar-pelajar untuk belajar sepanjang hayat dan mempunyai modal yang tinggi

menghadapi era globalisasi. Kemahiran berfikir dan pemikiran konstruktif perlu juga terarah kepada pandangan jauh dan luar biasa.

Pendidik seharusnya mempunyai kemahiran dan keterampilan mengaitkan teori dan praktis dan mesti bijak membina pengetahuan dan kemahiran secara *developmental* mengikut kadar pembelajaran untuk mencapai kemahiran *thoughtful learning*. Kurikulum sepatutnya mempunyai ruang untuk disesuaikan dengan perkembangan semasa berdasarkan keperluan negara, perkembangan semasa dan kemajuan sejagat.

Pendidik perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran industri bagi melahirkan generasi untuk pasaran tenaga kerja industri. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan sumber manusia yang menyumbang kepada tenaga buruh yang berkualiti, serba boleh dan responsif kepada perubahan keadaan perindustrian.

## ii Membentuk Masyarakat Madani

Pendidik perlu menangani pengajaran dan pembelajaran yang dapat membudayakan masyarakat dengan amalan akhlak dan nilai-nilai murni. Perkembangan dan kemajuan dunia boleh mempengaruhi gaya hidup dan akhlak masyarakat kita. Usaha mengimbangkan perkembangan dan kemajuan dunia dengan pembentukan rohaniah dan ketahanan diri diberikan perhatian serius.

## **1.6 Tugas dan Tanggungjawab Guru**

### **1.6.1 Penyampai Ilmu**

Guru mempunyai peranan yang penting dalam mencorakkan iklim di sekolah mereka. Peranan utama guru adalah mengajar. Lazimnya murid-murid mahukan penerangan yang jelas mengenai masalah pembelajaran dan bimbingan jawapan ke arah penyelesaian masalah. Ciri-ciri peribadi guru seperti baik hati, bersimpati dan sabar menghadapi masalah murid adalah ciri peribadi guru yang kedua pentingnya dan hanya akan dihargai oleh murid sekiranya ciri-ciri tersebut menjadikan guru lebih berkesan dalam menjalankan tugas utamanya.

Satu kajian yang dibuat di England telah menunjukkan bahawa keutamaan yang diberikan oleh murid-murid ialah kepada pengajaran guru yang baik dan kurang kepada ciri-ciri keperibadian guru (Noran Fauzan , 1990)

Untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan, guru perlu mengadakan aktiviti-aktiviti yang bercorak intelektual. Pengimbangan antara guru dengan murid amat penting bagi meningkatkan minat belajar dikalangan murid. Jika guru terlalu mementingkan keperibadian murid, ianya akan menyebabkan suasana pembelajaran menjadi hambar. Jika guru terlalu garang dan dingin dengan murid ini juga akan menghalang pembelajaran murid kerana murid akan menjadi takut.

### **1.6.2 Pengawal Tingkah Laku Murid**

Guru juga boleh bertindak sebagai pengawal tingkah laku murid. Ini bermakna guru juga sebagai pengawal disiplin Bagi guru-guru yang baru mengajar, mereka akan menyedari bahawa semua teori psikologi pendidikan yang telah dipelajari semasa di pusat pengajian dulu adalah tidak mencukupi untuk menghadapi suasana sebenar di sekolah. Mereka sering menghadapi masalah semasa hendak mententeramkan dan memotivasi kelas yang terdiri murid yang ramai.(Noran Fauzan,1990).

### **1.6.3 Penilai Prestasi Pelajar**

Penilaian membantu guru bagi mendapatkan maklumat mengenai kemajuan pelajar selain daripada merupakan sebagai satu cara bagi memberi ganjaran kepada guru dan juga murid. Guru akan merasa puas dengan pencapaian yang telah dicapai oleh pelajar-pelajar sedangkan pelajar pula mendapat ganjaran dalam bentuk pujian, hadiah dan juga motivasi untuk terus berusaha. Guru juga boleh memberi maklum balas kepada pihak pengetua dan ibu bapa mengenai pencapaian murid. Bagi pelajar, penilaian akan menguatkan lagi usaha untuk terus berusaha dimasa hadapan. Bagi pelajar yang mendapat markah rendah mereka akan berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mendapatkan markah yang lebih tinggi (Noran Fauzan, 1990).

#### **1.6.4 Ibu Bapa Gantian**

Guru adalah sebagai ibu bapa ganti bagi murid-muridnya dalam tempoh lima jam semasa waktu persekolahan. Selain mereka menyampaikan ilmu mereka juga bertanggungjawab menjaga keselamatan murid-muridnya. Ibu bapa tidak akan merasa risau jika anak mereka di sekolah kerana mereka yakin akan keselamatan anak mereka (Noran Fauziah,1990).

#### **1.6.5 Pelaksana Kurikulum**

Guru juga bertindak sebagai pelaksana kurikulum. Setiap sesuatu kurikulum yang telah diputuskan oleh sesebuah jawatankuasa yang biasanya terdiri dari kumpulan pendesak dan pakar rujuk kurikulum maka guru haruslah melaksanakan kurikulum yang telah diluluskan.

#### **1.6.6 Penyelidikan**

Guru juga digalakkan untuk membuat penyelidikan. Penyelidikan tidak bermakna penyelidikan yang besar kerana ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar, cukuplah sekadar penyelidikan tindakan (action research) dengan tujuan ianya akan mempertingkatkan profesionalismenya. Dengan ini akan membantu guru memperbaiki model pengajaran dan meningkatkan tahap prestasi akademik murid-muridnya. Selain itu guru juga boleh berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan guru mereka (Sharir dan Habib, 1999).

### **1.6.7 Anggota Pertubuhan Guru.**

Di Malaysia terdapat pelbagai persatuan yang melibatkan guru. Kebanyakan mereka menganggotai persatuan-persatuan tersebut. Persatuan ini bertujuan untuk menjaga kebajikan dan kepentingan para guru. Antara persatuan atau pertubuhan tersebut ialah Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat, Persatuan Suluh Budiman, dan Persatuan Pendidikan Malaysia. (Noran Fauzan, 1990)

### **1.6.8 Kakitangan Kerajaan.**

Memang tidak dinafikan guru adalah kakitangan kerajaan. Mereka telah dibiaya oleh kerajaan semenjak menjalani latihan dan pendidikan perguruan terutamanya di Maktab Perguruan. Maka apabila tamat belajar mereka terpaksa akur dengan penempatan yang ditentukan kepada mereka (Noran Fauzan, 1990).

## **1.7 Kesimpulan**

Tidak dapat dinafikan bahawa guru mempunyai peranan yang penting dalam sektor pendidikan. Di tangan gurulah terletak masa depan anak bangsa. Tidak hairanlah pada hari ini kerajaan telah meletakkan kedudukan guru lebih terjamin dan diberi pelbagai kemudahan untuk kesejahteraan mereka seperti menyediakan tempat tinggal yang selesa, menaikkan taraf guru, memberi kemudahan pinjaman dan sebagainya.



Kepekaan kepada perubahan sosioekonomi, politik dan pengaruh asing telah menyebabkan berlakunya pembaharuan dalam pendidikan di seluruh dunia termasuklah negara kita. Selepas merdeka kerajaan telah membuat beberapa perubahan kepada bidang pendidikan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu pendidikan negara sesuai dengan perubahan dan perkembangan semasa. Selepas merdeka pendidikan iaitu pada awal kemerdekaan pendidikan lebih menumpukan kepada mewujudkan perpaduan antara kaum disamping melatih rakyat menjadi warganegara yang berpengetahuan dan dapat bersaing dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Tetapi kini zaman kesejagatan atau globalisasi merupakan satu cabaran bagi sistem pendidikan kita. Dari sini lahirnya Akta Pendidikan 1996 bagi menyahut cabaran ini. Sistem pendidikan bukan saja menumpukan isu perpaduan sebagai isu utama bahkan isu global seperti keperluan guna tenaga dan keterampilan ilmu yang sesuai dalam pendidikan. Apatah lagi zaman ini dikenali sebagai permulaan gelombang maklumat dan pengetahuan.

Perkembangan dunia hari memang tidak dijangka sebelum ini dan berubah dengan cepat. Kemajuan dalam teknologi maklumat telah mempercepatkan lagi globalisasi dan tidak dapat dielakkan lagi. Rakyat mesti sanggup menghadapi kesan ekonomi, politik dan sosial dan dampaknya kepada globalisasi. Kita mesti memastikan bahawa kita tidak ketinggalan dari perkembangan teknologi dunia. Pendekatan kepada globalisasi perlu dilakukan bagi membolehkan Malaysia mendapat faedah dari perkembangan ini. Sistem pendidikan kita perlu memainkan peranan penting dalam membangun teknologi baru, ekonomi dan aspirasi sosial. Strategi, pembentukan semula dan perubahan polisi perlu dilakukan dalam sistem pendidikan kita untuk menghadapi persaingan global.

Wawasan 2020 adalah langkah pertama Malaysia untuk menyahut cabaran globalisasi dan berinformasi. Untuk itu Malaysia perlu membina pendidikan yang bertaraf antarabangsa bagi melahirkan tenaga kerja yang bertaraf dunia. Untuk menyusun semula sistem pendidikan maka Akta pendidikan 1961 telah digantikan dengan Akta Pendidikan 1996. Pendidikan swasta telah diwujudkan bagi membantu usaha-usaha kerajaan mencapai wawasan 2020 (Journal Ministry Of Education Malaysia, 2001).

Untuk merealisasikan matlamat ini program latihan telah diberikan kepada guru, Diploma perguruan telah diperkenalkan. Strategi dan polisi yang telah dilaksanakan adalah bertujuan membangunkan individu yang mahir, bersikap positif dan berdaya saing, dapat mengikut arus perkembangan teknologi dunia disamping mengekalkan ciri-ciri masyarakat dan tradisi rakyat Malaysia

Dengan perubahan-perubahan tersebut maka ianya menuntut komitmen yang lebih dari pelbagai pihak terutamanya bidang pendidikan yang mana disinilah tumbuhnya tunas pewaris negara yang akan menentukan hala tuju negara di masa hadapan. Para guru menghadapi cabaran yang begitu besar dalam merealisasikan tujuan negara untuk melahirkan warganegara yang berpengetahuan dan berdaya saing dalam menghadapi era globalisasi kini.

Kurikulum Sekolah Menengah dan Rendah telah diubah untuk memenuhi falsafah pendidikan negara. Semenjak dilaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah menengah (KBSM) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), tugas, peranan dan tanggungjawab guru telah bertambah. Ini bermakna beban kerja guru telah bertambah.

Menurut Timbalan Setiausaha Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) banyak guru yang tidak dapat menyiapkan carta dan persediaan mengajar semenjak dilaksanakan kurikulum baru ini. Guru terpaksa mengorbankan hari minggu mereka untuk memeriksa buku latihan dan menyiapkan soalan-soalan peperiksaan (The Star, 11 Sept. 1988).

Namun begitu kurikulum baru ini bertujuan untuk membentuk keperibadian yang mantap. Guru perlu membentuk dirinya terlebih dahulu dan menjadi contoh kepada murid-muridnya. Guru perlu memastikan pelajarinya berdisiplin, rakyat berpengetahuan bagi menghadapi cabaran dan mencapai wawasan 2020 (Krishnan, 1995).

Ramai yang telah memperkatakan kepentingan pendidikan dan peranan guru dalam mencapai wawasan 2020. Reformasi dalam pendidikan dan misi pendidikan yang telah disesuaikan dengan penyatuan organisasi, gaya kepimpinan dan pengurusan, perkhidmatan yang mesra, sistem pemantauan yang efektif dan sebagainya telah menuntut tanggungjawab guru dalam merealisasikan wawasan 2020. Untuk itu ianya memerlukan usaha yang lebih efektif dan guru yang terlatih.

Berdasarkan kepada pernyataan-pernyataan di atas, harapan yang besar diletakkan di bahu para guru. Guru telah dipertanggungjawabkan untuk mendidik generasi pelapis yang bakal mentadbir negara di masa akan datang. Guru sering dipersalahkan jika terjadi keruntuhan akhlak dikalangan pelajar dan kegagalan institusi pendidikan. Tanggungjawab dan peranan yang dibebankan kepada guru inilah yang menyebabkan mereka terdedah kepada stres.

## **Bab II**

### **Stres Dalam Sistem Pendidikan**

#### **2.1 Stres Yang Telah Dikaji**

Menurut Marshal dan Cooper (1979) tekanan perasaan atau lebih dikenali dengan "stress" adalah berasal daripada bahasa Latin yang membawa makna kerja kuat, kesukaran, kesusahan dan kesedihan. Hanya pada kurun ke-18 dan ke-19 barulah ia muncul untuk menandakan daya, tekanan, ketegangan, dan usaha kuat dengan merujuk kepada objek, begitu juga kepada manusia dan organ manusia atau kuasa mental (Hinkles,1973). Dalam bidang kejuruteraan dan fizik ada menyebut tekanan ataupun stress adalah tekanan dari daya luaran dan ditahan oleh daya dalaman manusia.

Dalam fizik stres merujuk kepada daya dalaman yang dijanakan di dalam jasad bagi menahan tindakan daya luaran yang memberi ketegangan kepada jasad dimana strain adalah hasil daripada tegangan itu. Daya luar yang memberi ketegangan adalah beban. Jika beban tersebut melebihi daya dalaman maka pepejal itu akan berubah atau pecah. Jika beban tersebut boleh ditahan oleh jasad maka jasad akan kembali kepada asal. Dalam kes manusia jika stres melebihi hadnya maka akan terjadilah burnout (Abdul Halim,1995).

Kecederungan melawan stres boleh dilihat dari hasil kajian Cannon (1935) mengenai tindak balas lawan dan lari (fight and flight) iaitu proses fisiologi yang bertindak mengawal keseimbangan badan. Cannon memerhatikan jika sesuatu organisma itu merasa dirinya terancam maka dia akan membuat perkiraan samada melawan ataupun lari. Ini melibatkan beberapa siri peristiwa bermula dengan rangsangan oleh sistem saraf simpatetik dan sistem endokrina. Hasi dari rangsanaga ini akan menambah pengeluaran hormon epinephrin (adrenalin) dan non-epinephrin (non-adrenalin) dalam darah menyebabkan penambahan dalam tekanan jantung, tekanan darah, gula dalam darah dan respirasi dan pengaliran darah ke kulit dan otot. Kajian ini telah dijalankan ke atas haiwan dan manusia. Tindakbalas endokrina ini dikeluarkan dengan meluas oleh berbagai rangsangan kecemasan mengikut alasan-alasan yang diberikan oleh Han Selye (1946) dalam "Sindrom Pengeluaran Am" ( General Adaptation Syndrome-GAS). Mengikut Sindrom Pengeluaran Am (SPA) ini Selye telah memberikan tiga peringkat dalam SPA :

1. Tindak balas kecemasan -- di mana fasa pertama kejutan ialah penurunan penentangan yang diikuti dengan kejutan-balas bilamana mekanisme pertahanan badan individu menjadi aktif
2. penentangan -- peringkat penyesuaian maksimum dan diharapkan berjaya kembali ke keadaan keseimbangan bagi individu. Jika stressor berterusan atau sistem pertahanan tidak berjalan maka individu akan
3. kehabisan tenaga -- bila mekanisme penyesuaian tidak berfungsi lagi.

Walaupun kajian Selye ini berasaskan latarbelakang kedoktoran tetapi sumbangannya telah memberi banyak manfaat kepada bidang lain. Dalam tahun-tahun 40an dan 50an Harlod G. Wolf misalnya adalah seornag penyumbang terbesar dalam penggunaan konsep stres dalam situasi kehidupan umum berbanding dengan rangsangan-tindakbalas dalam ujikaji makmal. Kini banyak kerja-kerja dan pemikiran wolf telah dijumpai oleh Ahli Sains sosial (Abdul Wahid Nuruddin,1995).

Wolf (1968) melihat stres sebagai keadaan organisma manusia dan juga mencadangkan ia tidak dapat dielakkan oleh manusia. Ini adalah kerana stres adalah dalam bentuk dinamik dalam organisma berkaitan dengan tuntutan bagi penyesuaian dan kerana kehidupan memerlukan penyesuaian yang konstan, maka benda hidup akan berterusan dalam lebih dan kurang stres.

Caplan (1964) mengambil pendekatan rangsangan tindakbalas terhadap situasi yang dihadapi oleh manusia sebagai cara mekanisme mengatasi. Menurut Cofer dan Appley (1964) stress adalah keadaan organisma di mana apabila melihat keselamatannya terancam maka oranisma tersebut akan mengumpul seluruh kekuatannya untuk mengatasinya.

Dalam kajian ini, definisi stress di kalangan guru adalah diadaptasikan daripada definisi Kyriacou dan Sutcliffe (1978) yang menyatakan stress di kalangan guru adalah sesuatu yang tidak menyenangkan guru seperti marah, bimbang, ketegangan, kekecewaan dan tekanan dalam aspek pekerjaannya sebagai pendidik. Tambahan pula, kesan dari tekanan

bagi kebanyakan orang, ada kaitannya dengan penyakit dalam darjah yang berbeza-beza (Feltcher dan Payne 1992).

Menurut Beehr dan Newman (1982), stress berlaku dari intraksi antara pekerja dengan kerjayanya dan ini dapat digambarkan oleh perubahan-perubahan yang berlaku dalam diri mereka. Disamping ianya boleh membantu memperkuat daya ketahanan seseorang pekerja, namun jika stress itu berlebihan, ianya akan menyebabkan individu itu menjadi letih, hilang kawalan dan ditakuti oleh keadaan.

Didde (1998) menyatakan apabila individu berhadapan dengan tekanan berpunca daripada faktor-faktor fizikal, mental dan emosi, individu akan cuba mencari jalan pintas untuk mengatasinya. Akibatnya keputusan yang dibuat tidak jelas kerana berhadapan dengan halangan dan tuntutan yang mencetuskan kesamaran dan ketidakpastian (Schuler, 1980)

Yoe (1985). menyatakan semua jenis tekanan yang mempengaruhi seseorang dalam kehidupannya boleh ditakrifkan sebagai stress. Kesan baik dan buruk stress tersebut bergantung kepada persepsi seseorang terhadap faktor tekanan tersebut. Beliau telah mengariskan tiga unsur yang menghasilkan stress dalam diri seseorang iaitu penyebab-penyebab stress, ciri-ciri individu dan gerak balas individu terhadap punca-punca stress.

Kaisar dan Polczynski (1982) menyatakan bahawa stres adalah tindak balas badan kepada "stressor" yang dialami oleh seseorang. Secara umumnya istilah stres merujuk

kepada keadaan yang disebabkan oleh paksaan, kekecewaan dan rasa tidak puas hati seseorang ( Abdul Halim, 2001).

Ahli-ahli psikologi kesihatan mempercayai bahawa kehidupan seharian sebenarnya melibatkan suatu siri 'urutan' yang berulang dalam mempersepsikan cabaran atau gangguan, memikirkan cara menghadapi dan mengadaptasi cabaran-cabaran tersebut. Walaupun adaptasi selalunya kecil dan berlaku tanpa disedari, namun dalam kes-kes di mana stres adalah berat dan jangka masanya lama, adaptasi memerlukan keseluruhan tenaga dan usaha, yang mungkin menghasilkan respon fisiologi dan psikologi sehingga menyebabkan timbulnya masalah-masalah kesihatan (Abdul Halim, 2001).

Penyelidikan telah menunjukkan stres boleh diuraikan melalui tiga jalan iaitu pendekatan *stimulus* (dorongan), pendekatan *respond* (reaksi) dan pendekatan *interactional* (tindakbalas) (Cranwell-Ward, 1990).

Pendekatan rangsangan (stimulus) ialah menggambarkan stres sebagai external faktor. Dalam teori ini stres menjadi pendorong yang berpotensi dalam menentukan suasana. Teori ini menyerupai dengan model *engineering* yang menyatakan manusia mempunyai kemampuan untuk menahan stres, jika seseorang mengalami stres yang berlebihan maka ketahanan seseorang itu merosot. Sama seperti bangunan akan runtuh jika tidak dapat menahan tekanan



Beberapa penyelidikan menggunakan pendekatan yang lain. Stres berlaku apabila tekanan yang diterima melebihi jangkakuannya. Faktor luaran dikenali sebagai punca-punca stres atau *stressors*.

Berdasarkan teori dari Dr Hans Selye yang memfokuskan kepada reaksi individu dalam menghadapi tuntutan persekitaran. Dr Hans Selye menamakan tindak balas ini sebagai *General Adaptation Syndrom (GAS)*.

Dalam penyelidikan terhadap psikologi, berbagai ukuran tindak balas telah dikaji. Pengukuran ini menekankan bentuk dan sejauh manakah emosi memberi reaksi terhadap stres (Dorin, 1985)

Pendekatan intraksi (*interactional*) digunakan bagi memahami stres, iaitu dengan melihat kepada tindakbalas individu dengan persekitarannya.

Dalam pendekatan intraksi (*interactional*), individu memainkan peranan yang besar terhadap tindakbalas stres, menimbang kepada tuntutan keadaan yang mana mereka menilai kemampuan mereka untuk memenuhi permintaan. Setiap orang melihat keadaan secara berbeza-beza. Bahkan seseorang boleh melihat keadaan yang berbeza-beza dalam waktu yang berlainan (Crannwell Ward, 1990)

Teori, konsep dan pembelajaran tentang stres berkaitan dengan tiga faktor iaitu persekitaran, organisasi dan individu yang menyebabkan stres. Namun begitu samaada mereka menjadi stres atau tidak adalah bergantung kepada individu seperti pengalaman

kerja dan personaliti. Punca stres luaran adalah efektif bila dilihat, dianalisa dan difahaminya sebagai bahaya dan ancaman yang mana ianya akan meluaskan pengetahuan. Tetapi perlu diingat setiap orang mempunyai sensitiviti stres yang berbeza berdasarkan kepada kejadian yang menyebabkan stres, pemahaman terhadap stres dan reaksi terhadap kejadian tadi ( Mahmood Nazar, 1987)

## **2.2 Stres Di kalangan Guru**

Para penyelidik telah lama mengkaji stres di kalangan guru. Khususnya, waktu di bilik darjah yang menuntut banyak pekerjaan. Menurut Sutton (1984), bebanan kerja boleh menyebabkan stres kepada guru bila rakan sekerja membuat anggapan negatif, peranan yang samar (role ambiguity), bila bebanan kerja melebihi tahap kemampuan (role overload) dan konflik kerja (Conley dan Woosley, 2000).

Kyriacou dan Sutcliffe (1978b) pula mendapati satu perlima daripada 257 orang guru sekolah di England mengelaskan kerjaya perguruan adalah sangat stres atau ekstrim stres. Setahun kemudian dalam satu soal selidik yang telah dijalankan ke atas 218 orang guru di sekolah campuran komprehensif, Kyriacou dan Sutcliffe (1979) melaporkan bahawa 23.4 peratus responden menyatakan pekerjaan guru sangat stres, suatu hubungan negatif yang signifikan antara stres guru laporan-sendiri (Self-reported) dan kepuasan kerja (  $r = -0.27$ ,  $p < 0.01$ ) dan keinginan untuk meninggalkan bidang perguruan (  $r = -0.08$ ,  $p < 0.01$ ) juga telah dilaporkan.

Dalam kajian ke atas 650 orang guru di Great Britain, Dunham (1977) menyatakan stress di kalangan guru adalah satu masalah yang serius dalam profesyen mereka. Dunham juga menambah stress ini bukanlah penyakit jangka pendek tetapi akan berlarutan sepanjang karier sebagai seorang guru. Kenyataan ini turut disokong oleh Hargreaves (1978) yang menemuduga guru-guru sekolah rendah dan menengah di England. Ini adalah disebabkan berlakunya perubahan peranan guru bagi memenuhi kehendak kurikulum yang luas bagi mencapai objektif pendidikan. Guru juga telah bertindak sebagai ibu bapa, polis dan pekerja sosial selain daripada guru (Abdul Wahid, 1995).

Persatuan Sekerja Dunia (ILO) telah mengenal pasti berbagai punca stres di kalangan guru termasuklah kekacauan di sekolah, kelas yang terlalu ramai, terpaksa bekerja diluar waktu kerja, gaji rendah, dan kerja yang tidak selamat (Dobson, 1982). Dalam hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh Tuettemann dan Punch (1992) menyamai apa yang telah dikenalpasti oleh ILO. Mereka mendapati iklim sekolah mempunyai hubungan yang positif dengan stres. Empat faktor lain yang menonjol ialah seperti kekurangan fasiliti, pelajar yang nakal, hubungan sesama guru dan menanguhkan kerja sekolah di luar waktu kerja. Satu lagi faktor stres ialah beban kerja, tetapi tidak terlalu memberi pengaruh.

Bagaimanapun kajian selepas itu mendapati beban kerja ada hubungan dengan stres. Spector (1987) dan Davis (1992) melaporkan adanya hubungan yang positif antara beban kerja dengan kebimbangan, kekecewaan, dan tiada kepuasan kerja. Randall (1993) pula dalam kajiannya mendapati beban kerja adalah salah satu punca stres yang

utama yang ada kaitan dengan burnout. Dimana mempunyai hubungan yang signifikan diantara beberapa dimensi burnout dan simptom tekanan.

Litt dan Turk (1985) dalam kajian mereka terhadap guru-guru sekolah tinggi di Amerika Syarikat mendapati berlakunya konflik peranan dan banyaknya tugas penyeliaan sebagai sebab utama stres di kalangan guru. Tambah mereka lagi guru akan berpuashati sekiranya pengetua mengambil berat terhadap kebajikan dan karier mereka.

Davis (1992) telah mendapati kekurangan sokongan pihak pentadbiran, kelas yang terlalu ramai dan murid yang sukar dikawal banyak dilaporkan sebagai sumber stres. Boyes (1993) mendapati bahawa punca stres yang menyebabkan guru meninggalkan bidang perguruan seperti kurangnya sokongan, program kepimpinan dan penyusunan yang lemah, perlu membuat kurikulum dan persediaan mengajar, kurangnya masa rehat, kesukaran mengajar di sekolah campuran, tugas pengajaran yang terlalu berat, kesukaran mengajar di kelas biasa dan kelas khusus, ruangan yang tidak selesa dan jadual yang terlalu ketat.

Umur, jantina dan lama mengajar juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres (Bunch, 1992). Bunch mendapati pengurusan masa, kerja yang ada hubungan dengan punca stres (cth : saiz kelas, kertas kerja dan persediaan mengajar) dan keletihan merupakan punca stres dan memberikan stress yang signifikan kepada guru wanita berbanding dengan guru lelaki. Solman dan Feld (1989) mendapati adanya perbezaan yang signifikan di antara guru yang berlainan umur mengenai reaksi mereka terhadap stres di sekolah, pelajar yang sukar dikawal dan tuntutan untuk mengubah kurikulum.

Kyriacou dan Sutcliffe (1979) mendapati pelajar yang sukar dikawal menyebabkan guru perempuan lebih stres berbanding dengan guru lelaki. Dapatan-dapatan di atas berbeza dengan ulasan meta-analisis yang telah dibuat oleh Martocchio dan O'Leary (1989) yang menyatakan tidak ada perbezaan pengalaman stres di antara guru lelaki dan guru perempuan.

Cox, Mackay, Watts & Brockley (1978) melaporkan keputusan tentang kajian perbandingan yang dilakukan ke atas 100 guru sekolah dan 100 orang separuh profesional (berdasarkan jantina, umur dan status perkahwinan). Respondan diambil dari kawasan Nottinghamshire dan Derbyshire dan ditanyakan dengan soalan terbuka : "Apakah punca stres yang utama dalam hidup anda?" Kajian ini menunjukkan bahawa 79% daripada guru sekolah berbanding 38% dari golongan profesional mengatakan pekerjaan mereka merupakan punca stres yang utama.

Cox dan Brockley (1984) melaporkan keputusan kajian perbandingan yang dibuat ke atas 36 guru sekolah rendah dan menengah, 9 orang guru yang menyambung pendidikan dan 40 bukan guru di East Midland berdasarkan kepada umur, jantina dan sosio-ekonomi. Tiga kumpulan ini telah dijemput untuk mengenalpasti punca stres dalam kehidupan mereka. Sebanyak 67% guru sekolah rendah dan menengah menyatakan pekerjaan mereka merupakan punca stres berbanding hanya 35% dari bukan guru. Hanya 11% guru sekolah menyatakan mereka tidak ada pengalaman stres dalam pekerjaan mereka berbanding 30% bukan guru. Cox dan Brockley membuat kesimpulan bahawa pekerjaan merupakan punca stres yang utama kepada mereka yang bekerja dengan guru mengalami stres yang tinggi berbanding dengan bukan guru.

### 2.3 Tahap Stress

Menurut Robbins ( 1993), tahap stres dapat diukur dengan melihat kepada kesan fisiologikal seperti peningkatan kadar denyutan jantung dan pernafasan. tekanan darah tinggi, sakit kepala, serangan sakit jantung, psikologikal pula seperti tekanan, perasaan cemas, mudah marah, kebosanan dan kesan tingkahlaku seperti perubahan prestasi, meningkatnya ketidakhadiran, berubahnya tabiat makan, semakin kuat merokok, percakapan yang semakin cepat, tidur tidak mengikut waktu.

Walt (1987) melaporkan tahap stres dapat dilihat dengan tanda-tanda penderitaan fizikal, tanda-tanda tekanan emosi, tanda-tanda tekanan pemikiran, tanda-tanda tekanan tingkahlaku. Tanda-tanda ini hanya dapat dirasakan oleh mereka yang pernah mengalami stres. Antara tanda-tanda stres yang disenaraikan ialah :

**Fizikal** – Kering mulut dan tengorokan kerana tension, merasa penat dan keberatan, lambat sembuh bila tertekan, cirit birit, merasa gementar dan gemuruh, sakit dada ,sakit tengkok, sakit belakang, gangguan perut, hilang selera makan, kencing yang kerap, selera meningkat :

**Psikologi** – merasa tertekan, emosi tidak menentu, cepat menangis, cepat melarikan diri dari orang lain, cepat ingin mencederakan orang, merasakan emosi tidak stabil, merasa kurang gembira, merasa bosan, merasa bimbang, merasa sedih, takut pada masa depan, takut gagal, sukar untuk lena, sukar tidur malam yang berterusan, kurang sabar dari

biasa, merasa sukar untuk menghadapi hari esok. Merasa sesuatu diluar kawalan dan merasa putus harapan:

**Tingkah laku** - Mudah marah, merasa terpaksa, bertindak secara tiba-tiba, bercakap cepat dari biasa, mudah terkejut, percakapan tidak lancar, sukar duduk diam, mudah mengata, sukar untuk kekal dalam satu aktiviti dalam jangka masa panjang, mudah bergaduh dengan orang lain dan menjauhkan diri dari orang lain.

Penyelidikan yang terkini ke atas stress pekerjaan, menunjukkan ada hubungan antara penyakit yang berkait dengan stress. Travers dan Cooper (1990) menyatakan hasil kajian keatas 1,790 orang guru di England, Wales, Scotland dan Ireland Utara yang dijalankan oleh penyelidik dari Institut Sains dan Teknologi Manchester pada tahun 1998 mendakwa terdapat paras yang tinggi penyakit yang berkait dengan stress. Dilaporkan 23 peratus guru melaporkan penyakit yang signifikan pada tahun sebelumnya termasuklah “colitis”, migrain, masalah jantung, serangan kebimbangan, “myalgic encephalomyelitis (ME) dan “irritable bowel syndrome” yang mungkin disebabkan berkait dengan stres. Guru lelaki dan perempuan mempunyai paras kebimbangan dan tekanan perasaan yang tinggi dan signifikan daripada purata populasi dan paras itu adalah sama dengan pesakit luar hospital mental. Guru lelaki dilaporkan sangat signifikan mempunyai lebih simptom psikomatik berbanding purata 13 peratus mengambil ubat penenang fikiran (anti-depressant) secara tetap dan 15 peratus mengambilnya kadang-kadang.

Armes (1985) dalam kajiannya ke atas guru-guru di sekolah tinggi di Bradford juga menyatakan kesan kekecewaan dan sakit hati pada perhubungan interpersonal adalah kesan yang tinggi di mana dua pertiga guru terganggu hubungan dengan pasangan dan anak masing-masing. Kemarahan dan kekecewaan akan disalurkan secara langsung atau tidak langsung. Jika ia dipendamkan dalam masa yang lama akan mendapat risiko mendapat simptom psikosomatik, sakit kepala, perut meragam, tidak boleh tidur, tekanan darah tinggi dan sakit kulit. Buss (1961) menyatakan terdapat pertalian antara kemarahan dengan tekanan darah tinggi. Dia juga menyatakan terdapat pertalian kemarahan dengan penyakit kulit.

## **2.4 Faktor Peribadi**

Sejumlah penyelidik mendedahkan bahawa tahap stres guru berbeza menurut keadaan demografi (Borg & Fazlon, 1991; Kryaieau & Sutcliffe, 1978; Trendall, 1989). Dua faktor yang menyebabkan stres berbeza antara lelaki dan perempuan iaitu hubungan dengan rakan sekerja dan tanggapan masyarakat (Puch & Tuettemann, 1990). Hubungan rakan sekerja merupakan kemungkinan yang besar bagi kesan psikologi dikalangan guru lelaki tetapi kurang pada guru perempuan.

Tetapi bagi guru perempuan tingkah laku murid memberikan kesan stres bagi mereka. Guru perempuan dilaporkan sangat tertekan bila berhadapan dengan pelajar yang tidak mendengar nasihat, kelakuan kurang sopan, bising dan kurang ajar (Dobson, 1982)

Ada penyelidikan yang mendapati guru yang kurang pengalaman lebih stres berbanding dengan rakan-rakan mereka yang berpengalaman bila berhadapan dengan untuk



mengukum murid, kelas yang sukar, peralatan yang terbatas, pelajar yang sukar di kawal, mengawal disiplin kelas, fasiliti yang kurang memuaskan, gaji yang tidak mencukupi, kurang peluang promosi, kurang kerjasama dalam pembuatan keputusan, pemantauan tugas sikap dan tindakan oleh pengetua, struktur kerja yang kurang memuaskan dan pelajar yang lemah (Hamidah, 1996).

Namun begitu dapatan ini berbeza dengan hasil kajian yang telah di buat oleh Borg dan Falzon (1991) yang melaporkan guru yang berpengalaman lebih stres berbanding dengan guru yang kurang pengalaman. Kerana apabila seseorang guru telah meningkat umur kepada beberapa peringkat umur maka komitmen terhadap kerja menjadi semakin tinggi. Mungkin guru semakin sukar bertolak ansur dengan bidang tugas mereka, maka ini akan menyebabkan mereka stres.

## **2.5 Salahlaku Pelajar**

Faktor salah laku pelajar merupakan punca utama dalam stress guru. Faktor pelajar yang selalu menimbulkan masalah disiplin, kurang minat hendak belajar, kurang motivasi dan tidak membawa alat kelengkapan belajar akan memberi tekanan, kemarahan dan kekecewaan kepada guru untuk menjalankan tugasnya. Kajian ke atas salah laku pelajar oleh Lawrence, Steed dan Young (1983) di dua buah sekolah menengah di London menjelaskan salahlaku yang dimaksudkan ialah kelakuan yang kasar seperti menggunakan kata kata kesat, bercakap dan tidak mengendahkan kuasa guru. Beberapa contoh khusus tingkah laku murid yang memerlukan tindakan berbeza dari staf seperti menurut senarai McManus (1989) seperti meminta keluar tandas berulang kali, merokok

dalam tandas, enggan membuat kerja rumah, berlari dalam kelas, bercakap semasa guru mengajar, bergaduh di padang atau dalam kelas, mengancam atau mengugut guru, datang lambat ke sekolah, merosakkan harta benda sekolah dan ponteng kelas.

Pelajar yang tidak berdisiplin sering dikenalpasti sebagai punca utama stres di kalangan guru (Trendall, 1989). Sesetengah guru amat tertekan dan stres bila berhadapan dengan murid yang tidak beradab atau tidak bersusila (Teuttenamn dan Punch, 1992).

Penyelidikan yang telah dibuat oleh Kyricou dan Sutcliffe (1979a, 1998b) mendapati nilai *mean* yang tinggi terhadap murid yang malas membuat kerja, murid yang kurang bermotivasi, murid yang nakal, murid yang kurang berminat terhadap pelajaran. Dapatan ini selari dengan penyelidikan yang telah dibuat oleh Coldcott (1985) mendapati pelajar yang sukar dikawal dan sikap pelajar terhadap pelajaran merupakan punca stres yang utama (Menunjukkan situasi yang sangat stres kepada kira-kira 28% daripada responden). Ini jelas menunjukkan bahawa tingkahlaku murid yang tidak baik berpotensi menjadi punca stres yang utama kepada guru.

## **2.6 Lebihan bebanan kerja**

Borg dan Ridding (1993) medefinisikan lebihan bebanan kerja sebagai perlu melakukan sesuatu pekerjaan yang lebih dari kebiasaan dan tanggungjawab yang sangat banyak. Lebihan beban kerja boleh memberikan stres kepada seseorang dengan dua cara; pertama, seseorang itu akan menjadi leti dan cepat meradang; kedua, seseorang yang terpaksa membuat kerja yang tidak munasabah boleh merasakan berterusan mengikut jadual, situasi seperti ini punca stres yang kuat (Dubrin, 1994).

Trendall (1989) mendapati punca stres yang utama kepada guru adalah beban kerja. Guru mempunyai banyak tanggungjawab, mempunyai banyak peranan, boleh menyebabkan penyimpangan kepada berbagai perkara. Beban seperti tanggungjawab yang banyak dan jika dibiarkan berlarutan akan menyebabkan seseorang tertekan (Yeo, 1985). Borg (1990) menyebut kajian yang dibuat oleh Cox (1997) dan D'Arcy (1989) mengenalpasti bahawa beban kerja merupakan punca stres yang paling utama. Kajian yang dibuat oleh Punch dan Teuttenmenn (1990a, 1992b) juga menunjukkan dapatan yang sama.

## **2.7 Rakan sekerja**

Hubungan yang baik antara kumpulan kerja dianggap antara faktor penting kesihatan individu dan organisasi. Walaupun begitu tidak semua tempat kerja mempunyai suasana menarik seperti yang diharapkan oleh setiap pekerja, terutama yang berkaitan dengan hubungan sesama rakan sekerja. Hubungan kurang baik di tempat kerja selalunya dikaitkan dengan tahap kepercayaan dan sokongan serta kurangnya keinginan menyelesaikan masalah-masalah dalam organisasi mereka (Sutherland dan Cooper, 1988).

Dunham (1977b) mendapati bahawa hubungan yang kurang mesra dengan rakan sekerja menjadi salah satu punca stress guru. Menurut Brenner, et. al. (1985), punca-punca stress yang dominan seperti itu merupakan salah satu bentuk kualiti hubungan interpersonal. Dalam hal ini hubungan sosial yang baik amat penting, jika bantuan dan sokongan mampu mengurangkan stress yang dialami oleh guru.

Hubungan interpersonal yang kurang baik ditakrifkan sebagai kurang kepercayaan, kurang sokongan, kurang berminat untuk mendengar, wujud suasana kurang kepuasan kerja (Gmelch, 1982 dan Yates, 1979)

Rakan sekerja adalah merujuk kepada sokongan dan kerjasama dari rakan sekerja (Tuettenmann dan Punch, 1992). Mereka memerlukan sokongan, perhatian, pujian dan penghargaan dan diberi autonomi. Ini akan mengurangkan stress mereka. Kebiasaannya, mereka yang mempunyai sokongan (hubungan rapat dengan keluarga, rakan, rakan sekerja) mempunyai ketahanan mental yang lebih dari orang yang tidak mempunyai sokongan dan hubungan baik dengan orang lain (Walt, 1987). Mereka ternyata kurang perasaan takut dan menjadi berani dengan kehadiran orang lain berbanding berseorangan. Hubungan yang kurang baik dengan rakan sekerja dikenalpasti sebagai punca stress (Payne dan Furnham, 1987; Borg dan Falzon, 1991). Guru yang mempunyai pengalaman “burnout” yang tinggi mendapati hubungan interpersonal lebih mendatangkan stress dari guru yang mempunyai pengalaman “burnout” yang rendah. Ini tidak mengejutkan memandangkan salah satu ciri “burnout” ialah sikap tidak mengendahkan orang lain (Pierce dan Molloy, 1990)

Dapatan di atas menyokong pendapat yang menyatakan bahawa sokongan masyarakat boleh menolong mengurangkan kesan negatif stress (Pinneau, 1976; House, 1981; Walt, 1987). Secara khususnya hasil kajian tadi menyokong dapatan Laughlin (1984) yang menyatakan persepsi guru terhadap stress telah berkurangan dengan adanya sokongan

dari rakan sekerja dan teman istimewa di kalangan staff dan kesihatan fizikal lebih baik dengan adanya sokongan dari rakan sekerja.

## **2.8 Kekangan masa dan sumber**

Kekangan masa iaitu kekurangan masa merupakan punca stress penting yang dialami oleh guru (Cook dan Leffingwell, 1982; Fletcher dan Payne, 1982; Carter, 1987). Cook dan Leffingwell (1982) menyatakan bahawa persepsi kekurangan masa sebagai punca stress adalah berkadar terus dengan masa untuk kerja-kerja berkaitan dengan sekolah dan masa peribadi. Guru adalah terletak dalam situasi di mana dia sering didakwa mempunyai masa kerja yang pendek (setengah hari), “easy hours” tetapi dalam masa inilah mereka berhadapan dengan tuntutan yang tetap dan berbagai kerenah kerja yang berkaitan dengan sekolah. Apabila loceng akhir dibunyikan maka ketika inilah mereka terpaksa menghadiri mesyuarat, menanda buku, membuat persediaan, mengajar, menulis laporan atau buku rekod mengajar dan menyelesaikan masalah pelajar. Ini kerana waktu biasa mereka sibuk dengan tugas mengajar (atau masuk kelas).

Pierce dan Molloy (1990) mengutip dari laporan Beasley (1983) keseluruhan responden yang dikaji menunjukkan kekangan masa merupakan punca stres yang utama. Trendall (1989) dalam kajiannya terhadap stres dalam mengajar dan keberkesanan guru mendapati kekangan masa merupakan sebagai punca stres. Kajian yang dibuat oleh Solman dan Feld (1989) terhadap guru di sekolah Katholik New South Wales, Australia kekurangan masa untuk memikul tugas mengajar dan tugas organisasi boleh meningkatkan tahap stres.

Wilkinson (1988) mendapati kekangan masa merupakan sumber stres sementara Kyriacou dan Suttcliffe (1978b) mengatakan kekurangan masa untuk berbincang dengan murid secara individu, tidak cukup masa untuk membuat kerja dan kurang waktu untuk memeriksa latihan murid adalah merupakan faktor stres dikalangan guru.

Kekurangan peruntukan sumber adalah berkaitan dengan kekurangan sumber materials, kurang sumber manusia dan terikat dengan peraturan dan polisi (Bord dan Riding, 1993)

Edworthy (1987) dalam kajiannya terhadap stress pekerjaan golongan profesional di England mendapati guru-guru yang telah lama berkhidmat kurang stres disebabkan kekurangan peruntukan sumber berbanding dengan mereka yang mempunyai pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun.

## **2.9 Tanggungjawab pengurusan**

Mengenai hubungan dengan pengurusan sekolah pula, sesetengah pengetua dikatakan menjadi punca meningkatnya stress di kalangan guru-guru sekolah. Dalam kajian Kyriacou dan Sutcliffe (1979a), guru-guru yang kurang pengalaman didapati mengalami stress disebabkan sikap dan perangai pengetua. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pengetua seperti itu tidak lagi dianggap sebagai contoh kepimpinan terbaik di sekolah.

Sabitha (1995) pula mengatakan tanggungjawab pengurusan adalah berkaitan dengan hal-hal seperti membuat keputusan yang mempengaruhi kehidupan pekerja, kekerapan

bermesyuarat bersama teman sekerja, terpaksa bertanya orang lain sebelum membuat keputusan dan terpaksa menyiapkan kerja dengan bantuan orang lain

## **2.10 Gaji dan kemudahan**

Lawler (1971) telah memperkenalkan “*multivariate model*” untuk menentukan gaji atau ganjaran. Beliau telah menyarankan bahawa ganjaran tersebut berfungsi dengan dua pengertian: jumlah yang seseorang patut terima dan jumlah yang seseorang biasa terima. Model ini menjangka bahawa mereka yang bekerja kuat tidak ada masalah kewangan dan selalu mendapat ganjaran yang tinggi sebelumnya merasakan dia patut menerima bayaran yang tinggi. Jika dia merasakan dia dibayar rendah ini akan menyebabkan stress.

Dalam kajian NEA sebagaimana yang dilaporkan oleh Cottrell (1980), guru-guru yang menerima gaji yang rendah merasakan ini ada kaitan dengan pengormatan dari komuniti mereka dan persepsi ini akan menyebabkan menurunnya tahap kepuasan kerja mereka. Mereka merasa berkerja berlebihan, tidak dihargai dan dibayar rendah. Kajian oleh Edworthy (1987) telah menunjukkan bahawa 54.4 peratus daripada responden mempunyai pengalaman stress kerana gaji rendah.

Kajian oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978b), Laughlin (1984), Payne dan Furnham (1987) dan Okebukola dan Jegede (1989) telah mengenalpasti bahawa kondisi kerja salah satu faktor utama bagi stress. Faktor ini meliputi perkara yang ada hubungan

dengan pembangunan kerjaya (struktur kerjaya yang lemah dan gaji yang tidak mencukupi).

## **2.11 Teknologi**

Perubahan yang mendadak dalam dunia terutamanya dalam bidang teknologi, menyebabkan guru kurang berupaya mengekal dan mempertahankan kepakaran terkini dalam bidang masing-masing sehingga menyebabkan mereka berasa tertekan di sekolah ( Adams, 1999).

## **2.12 Ringkasan Ulasan Karya**

Sebagai ringkasan, ulasan karya hubungan stres di kalangan guru boleh dikategori berdasarkan kepada tahap stres yang mereka alami dilihat dari kesan psikologi, fisiologi dan tingkah laku. Tahap stres samada tinggi, sederhana dan rendah bergantung kepada pengalaman stres yang dialami oleh guru dan bagaimana mereka mengatasinya. Perbezaan dari segi jantina, umur dan pengalaman mengajar juga membawa perbezaan tahap stres di kalangan guru. Pemboleh-pemboleh ubah yang ada hubungan dengan tahap stres ialah faktor demografi dan stres pekerjaan seperti tingkah laku murid, beban kerja, kekangan masa dan sumber, tanggungjawab pengurusan, gaji dan kemudahan serta teknologi yang menjadi panduan untuk kerangka teori yang akan ditunjukkan dalam bab tiga nanti.



## **Bab III**

### **Metodologi**

#### **3.1. Rasional Kajian**

Profesional perguruan merupakan salah satu bidang kerjaya yang terdedah kepada pelbagai masalah yang berkaitan dengan stres. Banyak kajian yang telah menunjukkan kerjaya perguruan merupakan satu kerjaya yang terdedah kepada stres (Borg dan Riding, 1990).

Guru menghadapi berbagai tuntutan yang tidak berkesudahan dari pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Selain dari cabaran dan tuntutan di sekolah, masalah membawa balik tugas yang sepatutnya disiapkan di sekolah juga boleh membuatkan mereka tertekan.

Sekolah juga telah diminta menjadi penawar bagi semua gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat. Guru sering disalahkan terhadap perkara yang berlaku di dalam atau di luar sekolah meskipun mereka telah berusaha memberikan yang terbaik kepada pelajar mereka (Fontana, 1998).

Sekolah-sekolah pula merupakan tempat kerja yang tidak menarik, terlalu bising dan guru tidak mempunyai ruang yang sesuai dan selasa untuk menyediakan bahan pengajaran dan menanda buku latihan. Bangunannya juga tidak diselenggara dengan baik dan persekitaran tersebut menyebabkan tekanan kepada guru dan pelajar (Cobb dan Kinchington, 2000). Guru juga tidak merasa selesa kerana dibebani bilangan waktu mengajar yang banyak. Bilangan pelajar juga semakin ramai dan sukar untuk dikawal.

Beban tugas guru yang semakin bertambah dari masa ke semasa menyebabkan peranan dan fungsi guru pun berubah. Guru bukan sahaja berperanan sebagai pendidik tetapi juga menjalankan tugas-tugas lain seperti kerani, menjaga kebajikan murid, persatuan dan sebagainya ( Sufean, 1993).

Selain beban kerja yang banyak juga, masalah disiplin dan sikap pelajar juga boleh menyebabkan guru merasa tertekan. Kejayaan dan kegagalan pelajar selalu dikaitkan dengan guru. Begitu juga dengan hubungan pihak pengurusan dan guru serta guru sesama guru memberi kesan secara tidak langsung kepada prestasi mereka di sekolah.

Sebagai agen perubahan, guru perlu berkerja keras bagi mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan. Kadang-kadang mereka terpaksa mengorbankan masa rehat mereka bagi menjayakan aktiviti atau program yang ditentukan kepada mereka. Harapan yang tinggi yang diletakkan oleh masyarakat menyebabkan guru merasa tertekan. Menurut Soh (1997) guru hari ini dipertanggungjawabkan dengan perkara-perkara baru dimana perubahan yang selalu dalam masyarakat secara langsung mempengaruhi

perubahan di sekolah. Stres yang dialaminya boleh memberikan kesan kepada dirinya dan juga tugasnya. Kemudahan yang disediakan kepada guru juga boleh memberikan stres kepada guru. Gaji yang rendah menyebabkan tahap kepuasan kerja mereka menjadi rendah dan boleh membawa kepada stres (Cottrell, 1980).

Peranan teknologi amat penting dalam pendidikan hari ini. Kelemahan guru dalam bidang teknologi ini membuatkan mereka merasa rendah diri dan tidak mampu bersaing dengan orang lain. Ini juga akan menyebabkan stres kepada guru.

### **3.2 Objektif Kajian**

#### **3.2.1 Objektif Umum**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara punca stres dan tahap stres. Adakah wujud perbezaan tahap stres antara guru sekolah menengah dalam bandar dan guru sekolah menengah luar bandar.


#### **3.2.2 Objektif Khusus**

- a) Untuk mengenalpasti hubungan antara tahap stres dan punca stres iaitu salah laku pelajar, bebanan kerja, rakan sekerja, kekangan masa dan sumber, tanggungjawab pengurusan, gaji dan kemudahan dan teknologi.

- b) Untuk mengenalpasti perbezaan tahap stres sekolah menengah luar bandar, guru sekolah menengah dalam bandar dan secara keseluruhan berdasarkan umur, jantina dan tempoh perkhidmatan.
- c) Mengenalpasti perbezaan tahap stres antara guru sekolah menengah dalam bandar dan guru sekolah menengah luar bandar.

### 3.3 Kerangka Teoritik.

Rajah 3.1 : Kerangka Teori hubungan stres di kalangan guru.



Model yang ditunjukkan pada gambar rajah 3.1 di atas menunjukkan hubungan antara punca stres (pembolehubah tidak bersandar) dengan tahap stres (pembolehubah bersandar). Pembolehubah bersandar iaitu tahap stres diukur dengan melihat kesan psikologi, kesan fisiologi dan kesan tingkah laku. Pembolehubah tidak bersandar pula ialah faktor demografi, salah laku pelajar, bebanan kerja, rakan sekerja, kekangan masa dan sumber, tanggungjawab pengurusan, gaji dan kemudahan dan teknologi.

### **3.4 Definisi Operasional Pemboleh Ubah**

- i. **Tahap Stres** – Dalam kajian tahap stres merujuk kepada stres yang negatif dan penderitaan yang pernah dialami oleh guru sekolah menengah luar bandar dan sekolah menengah dalam bandar terpilih. Tahap stres ini diukur dengan melihat kepada kesan fisiologi, kesan psikologi dan kesan tingkah laku.

**Kesan fisiologi** – kesan fisiologi dilihat pada keletihan, sering sakit leher, sakit kepala, gangguan perut, dan lain-lain yang pernah dialami oleh guru sekolah menengah luar bandar dan sekolah menengah dalam bandar terpilih di Kedah. Guru-guru telah dinilai dengan item 1-5 dalam bahagian III.

**Kesan psikologi** – dirujuk kepada pengalaman tension, emosi yang tidak menentu, mudah marah, merasa seperti terpaksa untuk menghadapi hari esok dan

perlaksanaan sering terganggu kerana terpaksa bergantung kepada input orang lain. Guru-guru telah dinilai dengan item 6-10 dalam bahagian III.

**Kesan Tingkahlaku** – merujuk kepada tingkah laku seperti mudah marah, mudah terkejut, bercakap pantas dari biasa, mudah jemu dalam satu aktiviti yang panjang, menghadapi masalah untuk tidur malam dan tidak hadir ke sekolah bagi menghilangkan tekanan akibat tugas. Pembolehubah ini telah dinilai dengan item 11-16 dalam bahagian III.

- ii. **Umur** – Dalam kajian ini umur dirujuk kepada umur guru dalam lingkungan kurang dari 30 tahun hingga lebih dari 40 tahun. Pembolehubah ini telah dinilai dalam item satu pada bahagian I.
- iii. **Jantina** – Dalam kajian ini jantina dirujuk kepada guru lelaki dan guru perempuan yang dinilai dalam item dua pada bahagian I.
- iv. **Tempoh perkhidmatan** – Dalam kajian ini tempoh perkhidmatan ini dirujuk kepada tempoh perkhidmatan dalam perguruan dalam lingkungan kurang dari 5 tahun dan 46 tahun ke atas. Guru-guru telah dinilai dalam item tiga dalam bahagian I
- v. **Kelayakan akademik** – Dalam kajian ini kelayak akademik dirujuk kepada kelayakan akademik tertinggi guru-guru sekolah menengah luar bandar dan

sekolah menengah dalam bandar terpilih di Kedah. Guru-guru telah dinilai pada item lima dalam bahagian I

- vi. **Salahlaku pelajar** – Salahlaku pelajar dilihat kepada pelajar yang mempunyai masalah disiplin dan melanggar peraturan sekolah. Pembolehubah ini dinilai pada item 1-5 dalam bahagian II.
- vii. **Lebihan bebanan kerja** - Lebihan bebanan kerja dirujuk kepada tanggungjawab yang terpaksa dipikul oleh guru seperti kertas kerja yang terlalu banyak, tugas mengajar yang banyak dan terlalu banyak terlibat dalam aktiviti kokurikulum. Pembolehubah ini dinilai pada item 6-12 dalam bahagian II.
- viii. **Rakan Sekerja** – Dalam kajian ini rakan sekerja merujuk kepada sokongan daripada rakan sekerja dan hubungan antara sesama mereka. Pembolehubah ini dinilai pada item 13-17 dalam bahagian II.
- ix. **Kekangan masa dan sumber** – Dalam kajian ini kekangan masa dan sumber merujuk kepada masa dan sumber yang terhad hingga menyebabkan mereka terpaksa mengganggu masa rehat mereka. Pembolehubah ini dinilai pada item 18-22 dalam bahagian II.

- x. **Tanggungjawab pengurusan** – Tanggungjawab pengurusan dirujuk kepada tanggungjawab pihak pengurusan kepada guru yang kurang memuaskan. Pembolehubah ini dinilai pada item 23-28 dalam bahagian II.
- xi. **Gaji dan kemudahan** – Dalam kajian ini gaji dan kemudahan dirujuk kepada gaji yang diperolehi setiap bulan dan faedah yang diperolehi sepanjang perkhidmatan dalam profesi perguruan. Pembolehubah ini dinilai pada item 29-33 dalam bahagian II.
- xii. **Teknologi** – Dalam kajian ini teknologi dirujuk kepada kemahiran guru dalam bidang teknologi maklumat seperti kemahiran mengendalikan komputer. Pembolehubah ini dinilai pada item 34-38 dalam bahagian II

### **3.5 Populasi**

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru yang sedang berkhidmat di empat buah sekolah terpilih iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Naka dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Nerang sebagai mewakili sekolah menengah luar bandar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Omar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Bahiyah sebagai mewakili sekolah menengah dalam bandar. Dalam kajian ini keseluruhan responden mewakili populasi menjadi sampel kajian. Sebanyak 304 borang soal selidik telah diedarkan kepada semua guru di sekolah-sekolah berkenaan dan hanya 203 borang soal selidik telah dikembalikan dan dapat dianalisis ( 85 borang dari sekolah



menengah luar bandar dan 118 sekolah menengah dalam bandar). Jadual 3.1 menunjukkan jumlah responden mengikut sekolah :

**Jadual 3.1 : Jumlah Populasi**

| Bil.               | Nama Sekolah         | Jumlah Responden |
|--------------------|----------------------|------------------|
| 1.                 | SMK Syed Omar        | 116              |
| 2.                 | SMK Sultanah Bahiyah | 82               |
| 3.                 | SMK Kuala Nerang     | 38               |
| 4.                 | SM Naka              | 68               |
| Jumlah Keseluruhan |                      | 304              |

### **3.6 Teknik Pengumpulan Data**

#### **3.6.1 Instrumen Kajian**

Sebanyak 54 item telah dibina dan diubahsuai daripada soal selidik yang telah digunakan oleh Gmelch (1982) dan Walt (1987) dalam kajian mereka mengenai stres.

Borang soal selidik ini mempunyai tiga bahagian iaitu :

- i. Faktor Demografi ( Umur, jantina dan tempoh berkhidmat) – 3 item.

- ii. Punca Stres - Salah laku pelajar (5 soalan), lebih bebanan kerja (7 soalan), rakan sekerja (5 soalan), kekangan masa dan sumber (5 soalan), tanggungjawab pengurusan (6 soalan), gaji dan kemudahan (5 soalan), dan teknologi (5 soalan).
- iii. Tahap Stres - Kesan fisiologi (5 soalan), kesan Psikologi (5 orang) , dan kesan tingkah laku (6 soalan).

Huraian secara terperinci item-item yang digunakan dalam borang soal selidik akan ditunjukkan dalam lampiran.

Bahagian A adalah berkaitan dengan faktor demografi yang mana soalan-soalannya dibina sendiri. Kesemua item ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang umur, jantina dan tempoh perkhidmatan daripada responden. Responden diminta agar mengisi ruangan yang disediakan untuk item 1,2,3.

Jadual 3.2 : Soal selidik yang diedarkan

| Pembolehubah                        | No. Item          | Total |
|-------------------------------------|-------------------|-------|
| <b>Pembolehubah Bersandar</b>       |                   |       |
| i. Kesan Fisikologi                 | 1,2,3,4,5         | 5     |
| ii. Kesan Psikologi                 | 6,7,8,9,10        | 5     |
| iii. Kesan Tingkah laku             | 11,12,13,14,15,16 | 6     |
| <b>Pembolehubah tidak bersandar</b> |                   |       |
| i. Faktor Demografi                 |                   |       |
| - Umur                              | 1                 | 1     |
| - Jantina                           | 2                 | 1     |
| - Tempoh Perkhidmatan               | 3                 | 1     |
| ii. Punca Stres                     |                   |       |
| - Salahlaku Murid                   | 1,2,3,4,5         | 5     |
| - Lebihan Bebanan Kerja             | 6,7,8,9,10,11,12  | 7     |
| - Rakan Sekerja                     | 13,14,15,16,17    | 5     |
| - Kekangan Masa dan Sumber          | 18,19,20,21,22    | 5     |
| - Tanggungjawab Pengurusan          | 23,24,25,26,27,28 | 6     |
| - Gaji dan Kemudahan                | 29,30,31,32,33    | 5     |
| - Teknologi                         | 34,35,36,37,38    | 5     |
| Jumlah Keseluruhan                  |                   | 57    |

Bagaimanapun beberapa soalan daripada bahagian B telah ubahsuai daripada Gmelch (1982). Dalam bahagian ini sebanyak 38 item telah digunakan bagi 7 pembolehubah tidak bersandar iaitu salahlaku murid, lebihan bebanan kerja, rakan sekerja, kekangan masa dan sumber, tanggungjawab pengurusan, gaji dan kemudahan, dan teknologi. Responden diminta menanda (bulatkan) jawapan 5 skala likert untuk menentukan

mereka setuju atau tidak setuju dengan soalan yang diberikan. Pilihan untuk jawapan tersebut terdiri: 5. Sangat setuju, 4. setuju, 3. tidak pasti, 2. tidak setuju dan 1. sangat tidak setuju.

Dalam bahagian C, 16 item telah dibina untuk mengukup tahap stres di kalangan guru sekolah menengah bandar dan luar terpilih di Kedah. Item-item untuk soal selidik dalam bahagian ini disesuaikan daripada Distress Symptom Scale by Walt, Schafer (1987). Dalam bahagian ini responden diminta supaya memberikan jawapan mereka pada lima skala pengiraan (five likert scale) yang menggambarkan perasaan dan situasi mereka. Pilihan jawapan mereka terdiri daripada: 1. sentiasa, 2. kerap kali, 3. kadang-kadang, 4. jarang-jarang, dan 5. tidak pernah.

### **3.6.2 Kajian Rintis**

Untuk menentukan kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen ini kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok dan Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim. Sebanyak 50 borang soal selidik telah diedarkan tetapi yang berjaya dipungut adalah sebanyak 40 borang soal selidik sahaja. Kajian rintis ini bertujuan untuk memastikan ketekalan dan kebolehpercayaan item-item yang dibina serta mengenal pasti tahap kefahaman guru terhadap kesesuaian bahasa, ayat dan kandungan seluruh instrumen yang digunakan.

Kajian Rintis diuji “reliability coefficient” dengan menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS 11.0)*. Cronbach Alpha digunakan untuk menguji ketekalan dan kebolehpercayaan yang dibina selain menunjukkan kesesuaian hubungan (Reliability coefficient) item-item sebagai satu set soalan. Hasil daripada analisis, pekali Alpha Cronbach untuk soal selidik kajian rintis bagi punca-punca stres adalah 0.82 dan kesan-kesan stres adalah 0.91. Ini menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan untuk item-item dalam borang soal selidik adalah tinggi. Menurut Uma Sakaran (1992) kebolehpercayaan yang diukur dengan menggunakan Cronbach Alpha pada setiap set item yang mengukur pembolehubah dikira baik bila melebihi 0.8, boleh diterima jika berada pada 0.7 dan jika kurang dari 0.6 ianya dianggap lemah.

### **3.6.3 Analisis Kesahihan Dan Kebolehpercayaan Soalan Kajian.**

Bagi kajian yang sebenar analisis kebolehpercayaan telah dilakukan sekali lagi bagi melihat konsistensi dalaman responden. Sebanyak 203 borang soal selidik yang telah dikembalikan, telah dianalisis dan hasilnya Cronbach Alpha bagi pembolehubah tidak bersandar telah mencatatkan nilai 0.8280, manakala bagi pembolehubah bersandar pula telah mencatat nilai 0.8514. Ini menunjukkan tahap kepercayaan terhadap item-item borang soal selidik adalah tinggi.

#### **3.6.4 Pengumpulan Data**

Surat permohonan untuk membuat kajian telah dihantar kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia pada 10 Febuari 2003 dan surat kebenaran untuk membuat kajian telah diterima pada 10 April 2003. Kebenaran untuk mengedarkan borang soalselidik dan mendapatkan data daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah telah diterima pada 13 April 2003.

Setelah mendapatkan surat kebenaran tersebut, satu perjumpaan diadakan dengan Pengetua atau Penolong Kanan bagi memohon pertolongan mereka untuk mengedarkan borang soalselidik kepada responden. Semua Pengetua dan Penolong Kanan memberikan kerjasama yang memuaskan.

#### **3.6.5 Teknik Analisis Data**

##### **3.6.5.1 Analisis Diskriptif**

Untuk menganalisis faktor demografi responden seperti umur, jantina, tempoh perkhidmatan dan kelayakan akademik dan reaksi mereka terhadap setiap item, statistik diskriptif termasuk *mean*, *frequencies*, dan *standard deviation* telah digunakan.

### **3.6.5.2 Analisis Inferensial**

Teknik analisis inferential seperti t-test, ANOVA, Pearson Correlation, dan Multiple Regrassion analysis telah digunakan bagi menganalisis antara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Analisis ini menunjukkan kekuatan hubungan antara tahap stres dengan punca stres.

### **3.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini terbatas kepada guru-guru di empat sekolah menengah terpilih di Kedah. Sebanyak empat buah sekolah telah terlibat dalam penyelidikan ini iaitu SMK Kuala Nerang dan SMK Naka (sekolah menengah luar bandar) dan SMK Syed Omar dan SMK Sultanah Bahiyah (sekolah menengah dalam bandar). Kajian ini tertumpu kepada semua guru di empat buah sekolah tersebut. Data telah dikumpul melalui borang soal selidik yang mengambil kira faktor-faktor seperti biodata, salahlaku pelajar, bebanan tugas, rakan sekerja, kekangan masa dan sumber, gaji dan kemudahan, tanggungjawab pengurusan dan teknologi, kesan psikologi, kesan fisiologi dan kesan tingkah laku. Borang soal selidik telah dirangka mengikut spesifikasi skala Likert 5 darjah. Dengan borang soal selidik tersebut dapatlah dikenalpasti hubungan tahap stres guru sekolah menengah luar bandar dan sekolah menengah dalam bandar dengan punca stres.

## **BAB IV**

### **Dapatan Kajian**

#### **4.1 Maklumat Deskriptif Responden.**

##### **4.1.1 Umur**

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden berdasarkan kumpulan umur. Responden yang paling ramai sekali ialah dalam kumpulan umur 36 hingga 40 tahun iaitu seramai 55 orang (56.1%). Kumpulan umur yang kedua paling ramai ialah kumpulan umur 30 tahun hingga 35 tahun iaitu 53 orang (26.1%) . Kumpulan umur ke tiga paling ramai ialah kumpulan umur 41 tahun hingga 45 tahun iaitu sebanyak 48 orang (22.7%). Seterusnya kumpulan umur 46 tahun ke atas iaitu sebanyak 28 orang (13.8%). Kumpulan yang paling sedikit ialah kumpulan umur kurang dari 30 tahun iaitu 21 orang (13.0%).



Rajah 4.1: Taburan Responden Mengikut Umur.

| Umur                 | Frekuensi  | Peratus      |
|----------------------|------------|--------------|
| Kurang dari 30 tahun | 21         | 10.3         |
| 30-35 tahun          | 53         | 26.1         |
| 36-40 tahun          | 55         | 27.1         |
| 41-45 tahun          | 46         | 22.7         |
| 46 tahun ke atas     | 28         | 13.8         |
| <b>Jumlah</b>        | <b>203</b> | <b>100.0</b> |

#### 4.1.2 Jantina

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina. Daripada 203 orang responden seramai 66 (32.5%) orangnya adalah lelaki manakala selebihnya ialah perempuan iaitu seramai 136 (67.0%) orang.

Jadual 4.2: Taburan Responden berdasarkan Jantina

| Jantina       | Frekuensi  | Peratus      |
|---------------|------------|--------------|
| Lelaki        | 66         | 32.5         |
| Perempuan     | 137        | 67.5         |
| <b>Jumlah</b> | <b>203</b> | <b>100.0</b> |

#### 4.1.3 Tempoh Perkhidmatan

Jadual 4.3 menunjukkan tempoh perkhidmatan bagi responden. Responden yang paling ramai sekali ialah responden dari kumpulan tempoh perkhidmatan 15 tahun ke atas (36.9%). Kumpulan kedua yang paling ramai ialah kumpulan perkhidmatan 10 tahun hingga 14 tahun iaitu 53 orang (26.1%). Kumpulan ketiga yang paling ramai ialah kumpulan 5 tahun hingga 9 tahun iaitu 47 orang (23.2%). Kumpulan yang paling sedikit ialah kumpulan yang berkhidmat kurang dari 5 tahun iaitu 26 orang (13.5%)

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan

| Tempoh Perkhidmatan | Frekuensi  | Peratus      |
|---------------------|------------|--------------|
| Kurang dari 5 tahun | 28         | 13.8         |
| 5- 9 tahun          | 47         | 23.2         |
| 10-14 tahun         | 43         | 26.1         |
| 15 tahun ke atas    | 75         | 36.9         |
| <b>Jumlah</b>       | <b>203</b> | <b>100.0</b> |

#### 4.2 Analisis Korelasi Antara Tahap Stres Guru Dengan Punca Stres

Analisis korelasi digunakan bagi mendapatkan keputusan sama ada wujudnya hubungan korelasi antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar. Hubungan korelasi akan diuji antara tahap stres dengan punca stres iaitu salah laku pelajar, bebanan kerja, rakan sekerja, kekangan masa dan sumber, tanggungjawab

pengurusan, gaji dan kemudahan, dan teknologi. Analisis korelasi ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu analisis korelasi bagi guru sekolah menengah luar bandar, analisis korelasi guru sekolah menengah dalam bandar dan analisis korelasi keseluruhan guru sekolah menengah terpilih di Kedah. Keputusan analisis dengan menggunakan SPSS bagi menguji hubungan korelasi adalah seperti di lampiran A

#### 4.2.1 Analisis Korelasi Punca Stres Dengan Tahap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar

Jadual 4.4: Laporan Hubungan Korelasi Tahap Stres di Kalangan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar

|        | SLaku | Beban | Rakan | Masa  | Urus  | Gaji  | Tekno | TStres |
|--------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|--------|
| SLaku  | 1     | .59** | .03   | .37** | .17   | .15   | .02   | -.36** |
| Beban  |       | 1     | -.15  | .67** | .42** | .24*  | -.07  | -.38** |
| Rakan  |       |       | 1     | .07   | .06   | .08   | -.03  | .15    |
| Masa   |       |       |       | 1     | .40** | .34** | -.05  | -.38** |
| Urus   |       |       |       |       | 1     | .07   | .10   | -.10   |
| Gaji   |       |       |       |       |       | 1     | .01   | -.26*  |
| Tekno  |       |       |       |       |       |       | 1     | -.10   |
| TStres |       |       |       |       |       |       |       | 1      |

\*\* Hubungan yang signifikan pada tahap 0.01

\* Hubungan yang signifikan pada tahap 0.05

Hasil daripada ujian korelasi didapati nilai signifikan ialah  $p < 0.01$  yang menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan salahlaku pelajar. Nilai pekali  $r$  yang diperolehi adalah  $-0.36$  menunjukkan terdapatnya perkaitan yang negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.38$ ,  $p = 0.000$  yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan bebanan kerja. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = 0.15$ ,  $p > 0.05$  menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap stres dengan rakan sekerja. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan positif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.38$ ,  $p < 0.01$  yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan kekangan masa dan sumber. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = 0.10$ ,  $p > 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap stres dengan tanggungjawab pengurusan. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan positif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.26$ ,  $p < 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan gaji dan kemudahan. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.10$ ,  $p > 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap stres dengan teknologi. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah. Lampiran A menunjukkan hasil analisis yang lengkap.

#### 4.2.2 Analisis Korelasi Punca Stres Dengan Tahap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar

Jadual 4.5: Laporan Hubungan Korelasi Tahap Stres di Kalangan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar.

|        | SLaku | Beban | Rakan | Masa  | Urus  | Gaji  | Tekno  | TStres |
|--------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|--------|--------|
| SLaku  | 1     | .61** | .10   | .43** | -.10  | .13   | .18    | -.26** |
| Beban  |       | 1     | .03   | .55** | .04   | .24*  | .26**  | -.18*  |
| Rakan  |       |       | 1     | .16   | -.10  | .42** | -.20** | .06    |
| Masa   |       |       |       | 1     | .30** | .33** | .22*   | -.38** |
| Urus   |       |       |       |       | 1     | .10   | .23*   | -.11   |
| Gaji   |       |       |       |       |       | 1     | .06    | -.09   |
| Tekno  |       |       |       |       |       |       | 1      | -.03   |
| TStres |       |       |       |       |       |       |        | 1      |

\*\* Hubungan yang signifikan pada tahap 0.01

\* Hubungan yang signifikan pada tahap 0.05

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.26$ ,  $p < 0.01$  yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan salahlaku pelajar. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.18$ ,  $p < 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan bebanan kerja. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = 0.06$ ,  $p > 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap stres dengan rakan sekerja. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan positif yang lemah

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.38$ ,  $p < 0.01$  yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan kekangan masa dan sumber. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.11$ ,  $p > 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap stres dengan tanggungjawab pengurusan. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.09$ ,  $p > 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap stres dengan gaji dan kemudahan. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.03$ ,  $p > 0.05$  yang menunjukkan hubungan tidak yang signifikan antara tahap stres dengan teknologi. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah. Lampiran A menunjukkan hasil analisis yang lengkap.

#### 4.2.3 Analisis Korelasi Punca Stres Dengan Tahap Stres Keseluruhan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar Dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar

Jadual 4.6: Laporan Hubungan Korelasi Tahap Stres Keseluruhan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar.

|        | SLaku | Beban | Rakan | Masa  | Urus  | Gaji  | Tekno | TStres |
|--------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|--------|
| SLaku  | 1     | .57** | .08   | .40** | -.01  | .13   | .14*  | -.26** |
| Beban  |       | 1     | -.02  | .57** | .21*  | .24** | .09   | -.26** |
| Rakan  |       |       | 1     | .13   | -.04  | .32** | -.14* | .08    |
| Masa   |       |       |       | 1     | .33** | .34** | .10   | -.38** |
| Urus   |       |       |       |       | 1     | .09   | .13   | -.13   |
| Gaji   |       |       |       |       |       | 1     | .03   | -.15*  |
| Tekno  |       |       |       |       |       |       | 1     | -.03   |
| TStres |       |       |       |       |       |       |       | 1      |

\*\* Hubungan yang signifikan pada tahap 0.01

\* Hubungan yang signifikan pada tahap 0.05

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.26$ ,  $p < 0.01$  yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan salahlaku pelajar. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.26$ ,  $p < 0.01$  yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan bebanan kerja. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.08$ ,  $p > 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap stres dengan rakan sekerja. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.38$ ,  $p < 0.01$  yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan kekangan masa dan sumber. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.13$ ,  $p > 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap stres dengan tanggungjawab pengurusan. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.15$ ,  $p < 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap stres dengan gaji dan kemudahan. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah.



Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi,  $r = -0.03$ ,  $p > 0.05$  yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap stres dengan teknologi. Perkaitan korelasi mengikut tafsiran yang dibuat adalah perkaitan negatif yang lemah. Lampiran A menunjukkan hasil analisis yang lengkap.

#### **4.3 Analisis Regresi Tahap Stres Guru Dengan Punca Stres**

Analisis Regresi berganda digunakan bagi menguji pembolehubah – pembolehubah tidak bersandar yang menjadi peramal yang paling baik kepada pembolehubah bersandar iaitu tahap stres di kalangan guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar. Sementara itu pula ianya juga dapat menunjukkan dengan jelas kekuatan pengaruh pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar berkenaan. Laporan lengkap tentang analisis regresi ini dilampirkan di lampiran A

#### 4.3.1 Analisis Regresi bagi Tahap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar

Jadual 4.7: Laporan ujian Regresi bagi Tahap Stres.

| Pembolehubah             | B          | Beta ( $\beta$ ) | t     | Sig.  |
|--------------------------|------------|------------------|-------|-------|
| Constant                 | 4.80       |                  | 6.57  | 0.000 |
| Salahlaku Pelajar        | -9.000E-02 | -0.12            | -0.99 | 0.33  |
| Bebanan Kerja            | -0.12      | 0.13             | -0.89 | 0.38  |
| Rakan Sekerja            | 0.19       | 0.15             | 1.43  | 0.16  |
| Kekangan Masa dan Sumber | -0.25      | -0.25            | -1.90 | 0.06  |
| Tanggungjawab Pengurusan | 5.118E-02  | 0.08             | 0.66  | 0.51  |
| Gaji Dan Kemudahan       | -0.18      | - 14             | -1.27 | 0.21  |
| Teknologi                | -9.415E-02 | -0.12            | -1.14 | 0.26  |

$R^2$ : 0.28

F: 3.61

P: < 0.01

Laporan regresi bagi tahap stres di kalangan guru sekolah menengah luar bandar menunjukkan bahawa pembolehubah-pembolehubah dalam model ini menjelaskan 24.7% variasi di dalam tahap stres guru luar bandar. Model ini adalah signifikan dan ianya turut disokong oleh analisis anova yang signifikan bersamaan 0.00 adalah lebih keci dari aras signifikan yang ditentukan iaitu 0.05.

Analisis regresi ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat pembolehubah tidak bersandar yang mempunyai pengaruh yang signifikan kepada tahap stres.

Bacaan nilai beta ( $\beta$ ) yang meramalkan pengaruh pembolehubah tidak bersandar terhadap tahap stres menunjukkan pembolehubah tidak bersandar yang paling

berpengaruh ialah kekangan masa dan sumber ( $\beta = -0.25$ ,  $p > 0.05$ ). Pembolehubah tidak bersandar berhubungan secara negatif dengan pembolehubah bersandar.

#### 4.3.2 Analisis Regresi bagi Tahap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar

Jadual 4.8: Laporan ujian Regresi bagi Tahap Stres

| Pembolehubah                 | B          | Beta ( $\beta$ ) | t     | Sig.  |
|------------------------------|------------|------------------|-------|-------|
| Constant                     | 4.13       |                  | 7.74  | 0.000 |
| Salahlaku Pelajar            | -0.15      | -0.20            | -1.79 | 0.08  |
| Bebanan Kerja                | 0.13       | 0.15             | 1.28  | 0.20  |
| Rakan Sekerja                | 0.16       | 0.15             | 1.57  | 0.12  |
| Kekangan Masa dan Sumber     | -0.36      | -0.38            | -3.30 | 0.00  |
| Tanggungjawab Pengurusan     | -5.560E-03 | -0.01            | -0.07 | 0.95  |
| Gaji Dan Kemudahan Teknologi | -5.460E-02 | -0.04            | -0.42 | 0.68  |

$R^2$ : 0.18

F: 4.08

P: < 0.01

Laporan regresi bagi tahap stres di kalangan guru sekolah menengah dalam bandar menunjukkan bahawa pembolehubah-pembolehubah dalam model ini dapat menjelaskan wujud variasi 18.1% di dalam tahap stres guru dalam bandar. Model ini adalah signifikan dan ianya turut disokong oleh analisis anova yang signifikan bersamaan 0.00 adalah lebih kecil dari aras signifikan yang ditentukan iaitu 0.05.

Analisis regresi ini juga menunjukkan bahawa pembolehubah tidak bersandar kekangan masa dan sumber mempunyai pengaruh yang signifikan kepada tahap stres guru sekolah menengah dalam bandar.

Bacaan nilai beta ( $\beta$ ) yang meramalkan pengaruh pembolehubah tidak bersandar terhadap tahap stres menunjukkan pembolehubah tidak bersandar yang paling berpengaruh ialah kekangan masa dan sumber ( $\beta = -0.38$ ,  $p < 0.01$ ). Pembolehubah tidak bersandar berhubungan secara negatif dengan pembolehubah bersandar.

#### 4.3.3 Analisis Regresi bagi Tahap Stres Bagi Keseluruhan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar.

Jadual 4.9: Laporan ujian Regresi bagi Tahap Stres Keseluruhan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar

| Pembolehubah             | B          | Beta ( $\beta$ ) | t     | Sig.  |
|--------------------------|------------|------------------|-------|-------|
| Constant                 | 4.19       |                  | 9.54  | 0.000 |
| Salahlaku Pelajar        | -0.12      | 0.06             | -1.99 | 0.05  |
| Bebanan Kerja            | 3.969E-02  | 0.05             | 1.57  | 0.59  |
| Rakan Sekerja            | 0.20       | 0.18             | 2.50  | 0.01  |
| Kekangan Masa dan Sumber | -0.32      | -0.33            | -3.90 | 0.00  |
| Tanggungjawab Pengurusan | -1.274E-02 | -0.02            | -0.23 | 0.82  |
| Gaji Dan Kemudahan       | -0.11      | -0.09            | -1.21 | 0.23  |
| Teknologi                | 4.475E-02  | 0.05             | 0.71  | 0.48  |

$R^2$ : 0.19

F: 6.38

P: < 0.01

Laporan regresi bagi tahap stres keseluruhan guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar menunjukkan bahawa pembolehubah-pembolehubah dalam model ini dapat menjelaskan wujud variasi 18.5% di dalam tahap stres guru sekolah menengah. Model ini adalah signifikan dan ianya turut disokong oleh analisis anova yang signifikan bersamaan 0.00 adalah lebih kecil dari aras signifikan yang ditentukan iaitu 0.05.

Analisis regresi ini juga meramalkan bahawa terdapat tiga pembolehubah tidak bersandar kekangan masa dan sumber ( $\beta = -0.33$ ,  $p < 0.01$ ), ini diikuti oleh pembolehubah tidak bersandar rakan sekerja ( $\beta = -0.18$ ,  $p < 0.05$ ) dan pembolehubah tidak bersandar salahlaku pelajar ( $\beta = 0.06$ ,  $p < 0.05$ ) mempunyai pengaruh yang signifikan kepada tahap stres kalangan guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar.

Bacaan nilai beta ( $\beta$ ) yang meramalkan pengaruh pembolehubah tidak bersandar terhadap tahap stres menunjukkan pembolehubah tidak bersandar yang paling berpengaruh ialah kekangan masa dan sumber ( $\beta = -0.33$ ,  $p < 0.01$ ). Pembolehubah tidak bersandar berhubungan secara negatif dengan pembolehubah bersandar.

#### **4.4. Analisis ANOVA Dan T-Test.**

Analisis ANOVA digunakan bagi menentukan perbezaan tahap stres di kalangan guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar berdasarkan

umur dan tempoh perkhidmatan. Sementara analisis T-Test digunakan bagi menentukan perbezaan tahap stres berdasarkan jantina dan jenis sekolah.

#### 4.4.1 Perbezaan Tahap Stres Mengikut Umur.

Jadual: 4.10: Laporan Ujian ANOVA (Umur)

| Pembolehubah         | N          | Mean        | SD         | F   | Sig |
|----------------------|------------|-------------|------------|-----|-----|
| Kurang dari 30 tahun | 21         | 3.31        | .69        | .98 | .42 |
| 30-35 tahun          | 53         | 3.56        | .63        |     |     |
| 36-40 tahun          | 55         | 3.38        | .58        |     |     |
| 41-45 tahun          | 46         | 3.43        | .69        |     |     |
| 46 tahun ke atas     | 28         | 3.31        | .88        |     |     |
| <b>Jumlah</b>        | <b>203</b> | <b>3.42</b> | <b>.67</b> |     |     |

Berdasarkan kepada ujian ANOVA yang telah dilakukan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap stres di kalangan guru sekolah menengah berdasarkan kumpulan umur ( $F = 0.98$ ,  $p = 0.42$ ). Ini bermakna umur guru tidak mempengaruhi tahap stres di kalangan guru sekolah menengah. Lampiran A menunjukkan hasil analisis yang lengkap.

#### 4.4.2 Perbezaan Tahap Stres Mengikut Jantina

Ujian t-Test telah digunakan bagi menentukan perbezaan tahap stres di kalangan guru sekolah menengah mengikut jantina. Jadual 4.11 merupakan ringkasan ujian t-Test ke atas tahap stres dengan jantina.

Jadual 4.11: Laporan Ujian T-Test (Jantina)

| Jantina   | N.  | Min  | Sisihan piawai | Nilai t | p    |
|-----------|-----|------|----------------|---------|------|
| Lelaki    | 66  | 3.54 | 0.63           | 0.53    | 0.47 |
| Perempuan | 137 | 3.36 | 0.69           |         |      |

Ujian T-Test yang telah dijalankan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan diantara tahap stres dan jantina ( $t = 0.53$ ,  $p = 0.47$ ). Oleh itu faktor perbezaan jantina tidak mempengaruhi tahap stres guru sekolah menengah. Lampiran A menunjukkan hasil analisis yang lengkap.

#### 4.4.3 Perbezaan Tahap stres mengikut Tempoh Perkhidmatan

Analisis ANOVA telah digunakan bagi menentukan perbezaan tahap stres di kalangan guru sekolah menengah. Jadual 4.9 menunjukkan ringkasan daripada hasil analisa antara tahap stres dan tempoh perkhidmatan.

Jadual 4.12 : Laporan Ujian ANOVA (Tempoh perkhidmatan)

| Pembolehubah        | Mean        | N          | SD         | F    | Sig  |
|---------------------|-------------|------------|------------|------|------|
| Kurang dari 5 tahun | 3.45        | 28         | .74        | 0.07 | 0.98 |
| 5-9 tahun           | 3.45        | 47         | .57        |      |      |
| 10-14 tahun         | 3.41        | 53         | .64        |      |      |
| 15 tahun ke atas    | 3.40        | 75         | .74        |      |      |
| <b>Jumlah</b>       | <b>3.42</b> | <b>203</b> | <b>.67</b> |      |      |

Berdasarkan kepada ujian ANOVA yang telah dilakukan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres di kalangan guru sekolah menengah luar bandar dan sekolah. Berdasarkan tempoh perkhidmatan ( $F = 0.07$ ,  $p = 0.975$ ). Ini bermakna tempoh perkhidmatan tidak mempengaruhi tahap stres di kalangan guru sekolah menengah. Lampiran A menunjukkan hasil analisis yang lengkap.

#### 4.4.4 Perbezaan tahap stres antara guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar.

Ujian T-Test telah digunakan bagi melihat perbezaan tahap stres antara guru sekolah menengah luar bandar dan sekolah menengah dalam bandar. Jadual 4.12 menunjukkan ringkasan ujian t bagi mengenal pasti perbezaan tahap stres antara guru sekolah menengah luar bandar dan sekolah menengah dalam bandar.

Jadual 4.12: Laporan Ujian T-test (Perbezaan tahap stres antara guru sekolah luar bandar dan dalam bandar).

| Sekolah      | N.  | Mean | SD   | t    | P    |
|--------------|-----|------|------|------|------|
| Luar bandar  | 85  | 3.49 | 0.61 | 0.29 | 0.59 |
| Dalam Bandar | 118 | 3.38 | 0.71 |      |      |

Daripada keputusan yang telah ditunjukkan dalam jadual 4.12, nilai t ialah 0.29 dan p ialah 0.59. Oleh kerana nilai p melebihi aras signifikan 0.05, maka ia menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan diantara tahap stres di antara guru sekolah menengah luar



bandar dan sekolah menengah dalam bandar. Lampiran A menunjukkan hasil analisis yang lengkap.

## **Bab V**

### **Perbincangan Dan Kesimpulan**

#### **5.1 Perbincangan**

##### **5.1.1 Tahap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar.**

Berdasarkan kepada analisis korelasi menjelaskan wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap stres guru sekolah menengah luar bandar dengan salah laku pelajar, bebanan kerja, kekangan masa dan sumber, dan gaji dan kemudahan. Keempat-empat pembolehubah tersebut berhubungan secara negatif.

Walaupun keempat-empat pembolehubah tersebut berkorelasi dengan tahap stres, analisis regresi yang menguji secara serentak pembolehubah tidak bersandar ini mendapati kekangan masa dan sumber mempunyai pengaruh yang paling kuat terhadap tahap stres dan menghampiri tahap signifikan.

Hasil kajian ini menyamai kajian Cook dan Lefingwell (1982) menyatakan bahawa persepsi kekurangan masa sebagai punca stres adalah berkadar terus dengan masa untuk kerja-kerja berkaitan dengan sekolah dan masa peribadi. Guru adalah terletak dalam

situasi di mana dia sering didakwa mempunyai masa kerja yang pendek (setengah hari), “easy hours” tetapi dalam masa inilah mereka berhadapan dengan tuntutan yang tetap dan berbagai kerenah kerja yang berkaitan dengan sekolah. Apabila loceng akhir dibunyikan maka ketika inilah mereka terpaksa menghadiri mesyuarat, menanda buku, membuat persediaan, mengajar, menulis laporan atau buku rekod mengajar dan menyelesaikan masalah pelajar. Ini kerana waktu biasa mereka sibuk dengan tugas mengajar (atau masuk kelas).

Begitu juga kajian yang dibuat oleh Solman dan Feld (1989) terhadap guru di sekolah Katholik New South Wales, Australia kekurangan masa untuk memikul tugas mengajar dan tugas organisasi boleh meningkatkan tahap stres. Edworthy (1987) dalam kajiannya terhadap stress pekerjaan golongan profesional di England mendapati guru-guru yang telah lama berkhidmat kurang stres disebabkan kekurangan peruntukan sumber.

Kajian ini menunjukkan kekangan masa dan sumber memberikan pengaruh yang paling tinggi kepada tahap stres. Ini disebabkan guru semakin sibuk dengan tugas-tugas harian dan ditambah lagi dengan tugas-tugas luaran seperti guru persatuan di sekolah, menghadiri mesyuarat, menulis laporan mengajar dan bermacam-macam lagi. Kerana kesuntukan masa ini menyebabkan guru sukar untuk membahagikan masa antara tugas dan keluarga.

### **5.1.2 Tahap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar.**

Analisis korelasi menjelaskan wujudnya hubungan signifikan antara tahap stres dengan salahlaku pelajar, bebanan kerja, dan kekangan masa dan sumber. Ketiga-tiga pembolehubah ini berhubungan secara negatif dengan tahap stres.

Walaupun ketiga-tiga pembolehubah tersebut berkorelasi dengan tahap stres, analisa regresi yang menguji secara serentak pembolehubah tidak bersandar tersebut mendapati kekangan masa dan sumber mempunyai pengaruh yang paling kuat dan signifikan dengan tahap stres.

Kekangan masa dan sumber juga merupakan punca stres yang paling berpengaruh kepada tahap stres guru sekolah menengah dalam bandar sama dengan guru sekolah menengah luar bandar. Ini adalah disebabkan mereka mempunyai banyak komitmen selain daripada tugas rasmi mereka iaitu mengajar. Mereka terpaksa menghadiri mesyuarat, mengendalikan persatuan di sekolah, memeriksa buku murid, membuat laporan mengajar dan sebagainya yang menuntut pengorbanan masa rehat mereka.

### **5.1.3 Tahap Stres Keseluruhan Guru Sekolah Menengah Luar Bandar dan Guru Sekolah Menengah Dalam Bandar**

Analisis korelasi secara keseluruhan menunjukkan tahap stres guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan salahlaku pelajar, bebanan kerja, kekangan masa dan sumber, dan

gaji dan kemudahan. Pembolehubah-pembolehubah tersebut berhubungan secara negatif dengan tahap stres.

Walaupun keempat-empat pembolehubah tersebut berkorelasi dengan tahap stres, analisis regresi yang menguji secara serentak pembolehubah tidak bersandar mendapati salahlaku pelajar, rakan sekerja dan kekangan masa dan sumber memberikan pengaruh yang signifikan dengan tahap stres keseluruhan responden. Namun begitu kekangan masa dan sumber mempunyai pengaruh yang paling kuat dan signifikan dengan tahap stres.

Hasil kajian ini bersamaan dengan hasil kajian Trendall (1989) yang mendapati pelajar yang tidak berdisiplin merupakan punca stres utama stres dikalangan guru. Dapatan ini juga selari dengan penyelidikan yang telah dibuat oleh Coldcott (1985) mendapati pelajar yang sukar dikawal dan sikap pelajar terhadap pelajaran merupakan punca stres guru.

Dunham (1977) mendapati hubungan yang kurang baik antara rakan sekerja menjadi punca utama stres guru. Begitu juga kajian Walt (1987) mendapati mereka yang mempunyai sokongan daripada orang seperti keluarga dan rakan sekerja mempunyai ketahanan mental yang tinggi berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai sokongan dan hubungan baik dengan orang lain.

Kekangan masa dan sumber merupakan punca stres yang paling mempengaruhi tahap stres guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar. Ini bertepatan dengan hasil kajian Cook dan Lefingwell (1982) yang menyatakan bahawa persepsi kekurangan masa sebagai punca stres adalah berkadar terus dengan masa untuk

kerja-kerja berkaitan dengan sekolah dan masa peribadi. Begitu juga kajian Solman dan Feld (1989) terhadap guru di sekolah Katholik New South Wales, Australia kekurangan masa untuk memikul tugas mengajar dan tugas organisasi boleh meningkatkan tahap stres.

Sebagai kesimpulan kekangan masa dan sumber merupakan punca stres yang paling berpengaruh kepada tahap stress guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar. Ini disebabkan oleh tuntutan tugas guru yang semakin meningkat sejak akhir-akhir ini. Mereka dibebani dengan berbagai tugas dan tanggungjawab sehingga mereka merasakan masa mereka terlalu sempit. Mereka terpaksa mengorbankan masa mereka bersama keluarga dan masa rehat mereka.

#### **5.1.4 Perbezaan Tahap Stres Mengikut Faktor Peribadi**

Hasil dari analisis ANOVA telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap stres guru sekolah menengah berdasarkan kumpulan umur. Hasil kajian ini sama dengan kajian Hargreaves (1978) yang mendapati bahawa stres adalah perkara biasa dikalangan guru tanpa mengira batasan umur dan tempoh perkhidmatan. Hamidah (1996) mendapati tiada hubungan yang signifikan diantara tahap stres dengan jantina, umur dan taraf akademik.

Kajian Russell dan Velzen (1987) di Iowa, mendapati guru-guru muda lebih menghadapi faktor-faktor yang membawa tekanan berbanding dengan guru berpengalaman. Ini

disebabkan guru berpengalaman sudah tahu cara menyelesaikan jika berhadapan dengan faktor stres. Kajian Kyriacou dan Sutcliffe (1978) mengatakan guru yang kurang pengalaman menghadapi lebih tekanan dalam mendisiplin pelajar, mengurus kelas, kurang kenaikan pangkat dan kurang terlibat dalam membuat keputusan. Walaupun kajian ini menjelaskan guru muda (20-29 tahun) mengalami tahap stres yang tinggi, namun ada pengkaji lain yang mendapati guru yang lebih tua (41-50 tahun) mengalami tahap stres yang lebih tinggi (O'Connor & Clarke, 1990).

Melihat kepada perbezaan jantina, analisis t-Test menjelaskan tiada perbezaan yang signifikan tahap stres guru dengan guru lelaki dan guru perempuan. Hasil kajian ini adalah sama dengan hasil kajian yang telah diperolehi oleh Hamidah (1996) yang mendapati tahap stres tidak mempunyai perbezaan antara guru lelaki dan guru perempuan di sekolah menengah. Kajian oleh Abdul Wahid (1995) terhadap 250 guru sekolah menengah di daerah Ulu Kinta mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara tahap stres dengan guru lelaki dan guru perempuan.

Namun begitu ia berbeza dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Dobson (1982) yang mendapati guru perempuan lebih stres berbanding guru lelaki terutamanya apabila berhadapan dengan tingkahlaku murid.

Dalam analisis kajian tentang faktor tempoh perkhidmatan, hasil ujian ANOVA menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tempoh perkhidmatan

dengan tahap stres guru. Kajian ini bertentangan dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Borg dan Falzon (1991) yang melaporkan guru yang berpengalaman lebih stres berbanding dengan guru yang kurang pengalaman.

Ada penyelidikan yang mendapati guru yang kurang pengalaman lebih stres berbanding dengan rakan-rakan mereka yang berpengalaman bila berhadapan dengan untuk mengukum murid, kelas yang sukar, peralatan yang terbatas, pelajar yang sukar di kawal, mengawal disiplin kelas, fasiliti yang kurang memuaskan, gaji yang tidak mencukupi, kurang peluang promosi, kurang kerjasama dalam pembuatan keputusan, pemantauan tugas sikap dan tindakan oleh pengetua, struktur kerja yang kurang memuaskan dan pelajar yang lemah (Hamidah, 1996). Kyriacou ( 1978) menjelaskan guru yang kurang pengalaman mengajar mengalami tekanan yang tinggi dalam proses pengajaran-pembelajaran berlaku.

#### **5.1.5 Perbezaan Tahap Stres Antara Sekolah Menengah Luar Bandar dan Sekolah Menengah Dalam Bandar**

Berdasarkan kepada hasil analisis t-Test juga menjelaskan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres diantara guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar. Hasil analisis ini berbeza dengan kajian oleh Abel dan Sewell (1999) ke atas guru sekolah menengah dengan membuat perbandingan antara sekolah menengah dalam bandar dan sekolah menengah luar bandar. Dapatan mereka menunjukkan guru sekolah menengah luar bandar mengalami tahap stres yang tinggi



disebabkan oleh hubungan interpersonal yang tidak baik di tempat kerja, tingkahlaku pelajar yang kurang sopan dan tekanan masa. Sebaliknya guru sekolah menengah luar bandar mengalami tahap stres yang tinggi disebabkan oleh keadaan tempat kerja yang tidak kondusif dan tekanan masa.

## **5.2 Kesimpulan**

Hasil dari kajian ini memberikan kesan kepada bidang pendidikan. Dapatan kajian ini diharapkan agar dapat digunakan sebagai kerangka kerja untuk mengkaji hubungan stres di kalangan guru dalam konteks Malaysia. Penyelidikan akan datang boleh memasukkan faktor-faktor lain yang dirasakan ada hubungan dengan stres di kalangan guru.

Bagi bidang keilmuan dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan pertambahan dan kesan terutamanya dalam bidang pendidikan. Kajian ini menjelaskan kekangan masa dan sumber merupakan punca stres yang paling berpengaruh kepada tahap stres guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar. Tiada perbezaan tahap stres jika dilihat dari sudut faktor peribadi seperti umur, jantina dan tempoh perkhidmatan. melihat sudut perbezaan antara guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar. Kajian ini juga menunjukkan tidak perbezaan tahap stres diantara guru sekolah menengah luar bandar dan guru sekolah menengah dalam bandar.

Implikasi kajian ini terhadap guru ialah mereka mestilah bertanggungjawab mengawal tekanan yang dialami oleh mereka supaya tidak sampai ke tahap kronik yang akan

memudaratkan kesihatan dan prestasi kerja. Kemahiran untuk mengendalikan stres perlu ada memandangkan stres adalah sebahagian daripada kehidupan.

Implikasi kepada pihak sekolah ialah mereka perlu menerima hakikat bahawa setiap guru menghadapi stres. Mereka sepatutnya lebih perihatin terhadap perasaan guru dan mengelak daripada memberikan stres kepada guru. Pihak sekolah sepatutnya lebih perihatin dengan kekangan masa yang dihadapi oleh pihak guru. Jangan terlalu dibebankan dengan tugas-tugas luaran yang banyak kerana ini akan menyebabkan guru tidak mempunyai masa rehat yang cukup dan ini akan menjejaskan mutu pengajaran mereka. Pihak sekolah mestilah menyediakan fasiliti yang cukup bagi menjamin kelancaran proses pembelajaran di sekolah. Maka pihak pentadbir perlu berhati-hati menangani stres guru supaya dapat melahirkan peajar yang cemerlang dalam bidang akademik.

Bagi penyelidikan akan datang, penyelidik perlulah menggunakan sampel dan populasi yang besar samada di peringkat negeri dan kebangsaan. Dengan ini ujian statistik akan memperolehi maklumat dan respon yang lebih tepat tentang tahap stres guru. Kajian seterusnya perlulah memperluaskan skop pembolehubah tidak bersandar daripada tujuh faktor yang digunakan dalam kajian ini. Disamping itu pembolehubah bersandar juga perlu diperluaskan dalam kajian akan datang agar dapat memberi gambaran tahap stres guru secara lengkap.

## Rujukan

- Abd. Halim bin Ahmad (2001), *Stress di Kalangan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis*, Tidak dikeluarkan, Thesis Sarjana Sains Pengurusan, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Abdul Fatah Hassan (2003) *Pengenalan Falsafah Pendidikan*, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, Selangor.
- Abdul Wahid Bin Nuruddin (1986), *Stress Pekerjaan Di Kalangan Guru*, Tidak Dikeluarkan, Thesis Sarjana Sains Pengurusan, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Abel, M., & Sewell, J. (1999) *Stress and Burnout in Rural and Urban Secondary School*. (ERIC Document Reproduction Service No. EJ 594196)
- Adams, J.D. ed (1980) *Understanding And Managing Stress. A Book Of Reading*. San Diego : University Associates. Inc.
- Armes, D. (1985) *The Unhappiest "Profession"*. Bradford : Armes.
- Boyes, S.R. (1993) Turnover And Work Perceptions of The Teachers of the Gifted : A Qualitative Study (Teacher Turnover). *Dissertation Abstracts. University Of Virginia*.
- Brog, M.G (1990) Occupational Stress In British Educational Setting : A Review. *Educational Psychology*, 10(2) : 103-126.
- Brog, M.G. Riding, R,J & Falzon,J.M (1991) *Stress In Teaching ; A Study Of Occupational Stress And Its Determinants, Job Satisfaction And Carrer Commitment Among Primary School Teachers*, *Educational Psychology*, 11(1) : 59-75.
- Brown, J.Y. (1985). A Study Of The Relationships Between Job Stress And Burnout In Teachers. Michigan: *UMI Dissertation Information Services*.
- Bunch, E.R. (1992), The Sources And Manifestations Of The Job Stress For Special Education Teachers (Stress Source, Stress Management), *Dissertation Abstracts. University Of La Verne*.
- Buss, A.H.(1991) *The Psychology Of Aggression*, New York : Wiley.
- Caplan, G. (1964). *Principle of Preventive Psychiatry*, London, Tavistock.
- Cherniss, G. (1980) *Professional Burnout In Human Service Organization*, New York : Praeger.

- Cobb, D. And Kinchington, F. (2000) Managing Stress: Sources Of Stress In Teaching. <http://www.gre.ac.uk/eduweb/interest/h&s/stress2a.htm> (24 April 2000)
- Cofer, C.N. and Appley, M.H. (1964) *Motivation : Theory and Research*, New York, Wiley.
- Coldcott, P.J. (1985) Organizational Causes Of Stress On The Individual Teacher, *Educational Management And administration*, 13(1): 90-93.
- Cox, T. & Brockley, T. (1984) The Experience and Effects of Stress in Teaching, *British Educational Research Journal*, 10, pp. 83-87.
- Cox, T., Mackay, C.J., Cox, S., Watts, C. & Brockley, T. (1978) Stress and Well-being In School Teachers, Paper presented at the Ergonomics Society Conference 'Psychophysiological response to occupational stress, Universiti of Nottingham.
- Cranwell-Ward, J. (1990) *Thriving On Stress*. London: Routledge.
- D'Arcy, J. (1989) Stress In Teaching, The Research Evidence, *Northern Ireland Council For Research, Occupational Paper No. 1*.
- Davis, D.G. (1992) Secondary School Teachers Coping Resources And Percieved Symptom And Sources of Job Stress. *Dissertation Abstracts. University of San Francisco*.
- Dobson, C.B (1982) *Stress. The Hidden Adversary*. England: MTF Press Ltd.
- Dubrin, A.J. (1994) *Applying Psychology: Individual And Orgnizational Effectiveness (4th Edition)*, New Jersey: Prentice Hall Career And Technology.
- Dworkain, A.G, (1987) *Teacher Burnout In Public School* : Albany, NY : SUNY.
- Edworthy A. (1987). *Occupational Stress In Professional Groups*. Vol. 1, Boston: University Of Walles.
- EE Ah Meng,(1989) *Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Petaling Jaya.
- Fletcher, B.C. and Payne, R.L (1982), Level of Reported Stressor and Strain Amongst School Teachers : Somr UK data, *Educational Review*, 34, 3, 267-78.
- Fontana, D. (1988) *Psychologikal For Teachers* (2nd. Edition) The English Psychological Society. London: Macmillan Publishers Ltd.
- Gmelch, W.H. (1982) *Beyond Stress Of Effective Management*, New York : John Willey and Sons, Inc.

- Hamidah bt. Othman (1996), *Correlations of Stress Among Secondary School Teachers in Penang*, Tidak Dikeluarkan, Thesis Master Sains Management, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Hargreaves, D.H. (1978) What Teaching Does To Teachers, *New Society*, 43, 540-542.
- Hinkle, L E (1973), The concept of Stress in the Biologikal dan Social Science, *Science , Medicine and Man*, 1, 31-48.
- House, J.S. (1981) *Work Stress and Social Support*. Reding, Massachussets: Addison-Wesley.
- Kaisar, J.S. and Polazynski, J.S (1982) Educational Stress : source reactions, Preventions, *Peabody Journal of Educational*, 59 (2), 127 – 136.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Education In Malaysia, A Journey To Excellence*, Kuala Lumpur : Penulis.
- Kyriacou, C & Sutcliffe, J.(1978b) *Teacher Stress : A Review. Educational Research*, 29, 146-52.
- Krishnan (1995, 8 Oktober) Teachers' Role Not Just To Teach. *The Sunday Star*.
- Kyriacau, C. & Pratt, S. (1985) Teachers Stress and Psychoneurotik Symptom, *British Journal of Psychology*, 55, 61-64.
- Kyriacou, C. & Sutcliffe. J. (1978a), A Model of Teacher Stress: *Educational Studies*,4, 1-6.
- Laughlin, A. (1984), Teacher Stress In An Australian Setting, The Role Of Biographical Mediators, *Educational Studies*, 10, 7-21.
- Lawler, E.E (1971) *Pay and Organizational Effectiveness : A Psychological View*. New York : Mc Grow – Hill.
- Lawler, E.E. (1971) *Pay And Organizational Effectiveness: A Psychological View*. New York: MacGraw-Hall.
- Lawrence, S. Steed, D. And Young, P. (1983), Monitoring Teachers reports of Incidents of Disruptive Behaviour In Two Secondry School, Multi Disciplinary Research and Intervention, *Educational Studies* 9,2: 141-53.
- Litt and Turk (1985) Sources of Stress and Dissatisfaction in Experienced High School Teacher. *Journal of Educational Research*. 78 (3): 178-85.
- Marshal, J. And Cooper (1979) *Executive Under Pressure : A Psychollogikakl Study*, New York, Praeger Publishers.

- McManus, M.C (1989) Determinants Of Occupational Stress Among Teachers In Nigeria, *Educational Studies*, 15 (1) 1989.
- Mortocchio, J.J. & O'Leary, A.M (1989). Sex Differences In Occupational Stress: A Meta-Analytic Review. *Journal Of Applied Psychology*, 74 (3): 495-501.
- Nazar, M.M.(1987) *An Understanding If The Meaning Of Being In Stress : A Study Of The Phenomenon Of Stress Of Malaysian Administrations In A Job – Related Situations*, Michigan, Abell e Howell Information Company.
- Noran Fauziah Yaakub (1990) *Guru Dan Perguruan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka Dan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- O'Connor, P., & Clarke, V. (1990) Determinants of Teacher Stress. *Australian Journal of Educational*, 34 (1), 42-52.
- Payne; M.A and Furnham, a. (1987) Dimensions Of Educational Stress In West Indian Secondary School Teachers. *British Journal Of Educational Psychology*, 57, pp. 141-150.
- Philips, B.N and Lee, M (1980) *The Changing Role American Teachers, Current and Future Sources Of Stress*. In C.L Cooper & Marshall (eds) *White Collar and Professional Stress* (pp. 93 –111) New York : Willey
- Pierce, C.M.B & Molloy, G.N (1990) Psychological Abd Bioraphical Differences Between Secondary School Teachers Experiencing High And Low Levels Of Burnout, *Journal Of Educational Psychology*, 60 (1) : 37-51.
- Pierce, C.M.B. & Molloy, G.N (1990) Psychological And Biographical Differences Between Secondary School Teachers Experiencing High and low Levels Of Burnout, *Journal Of Educational Psychology*, 60 (1): 37-51.
- Pinneau, R.S. (1976) Effects Of Social Support On Psychological And Psychological Stress. *Dissertation Abstract*, Int. 36, 53598-53560B.
- Pinneau, R.S.(1976) *Effects Of Social Support On Psychological And Psychological Stress*, Dissertation Abstract, Int. 36, 53598-53560B.
- Punch, K.F & Tuettemann, E. (1990) Correlates Of Psychologikal Distress Among Secondary School Teachers. *British Educational Research Journal*, 16 (4): 369-382.
- Randall, S.C. (1993) Teacher Burnout, Depressive Symptom, And Coping Strategies: Thier Relationship In Two Samples of Teachers (Burnout, Urban Education) *Dissertation Abstracts*. University of Pennsylvania.

- Robbins, S.P (1993) *Organizational Behaviour: Concept, Controversies, And Application (6th Addition)*. New Jersey: Prentice Hall International Inc.
- Sabitha Marican (1996) *Penelitian Punca Stress Dan Kepuasan Kerja Dikalangan Pentadbir Kewah Membentuk Program Pengurusan Stress Yang Berkesan, Seminar Globalisasi Dan Kecemerlangan Pengurusan : Cabaran Dan Prospek*, Sekolah Pengurusan Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Shahril @ Charil Marzuki Dan Habib Mat Som (1999) *Isu Pendidikan Di Malaysia*, Penerbitan dan Pegedaran Utusan Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Soh Kay Cheng (1987) Teacher Stress. A Correlate Of Attitudes Towards Responsibility And Change, *Singapore Journal Of Education*. 8 (1). 89-91.
- Solman, R. And Feld, M. (1989) Occupational Stress: Perceptions Of Teachers In Catholic School, *Journal Of Educational Administration*, 27 (3) : 55-68.
- Spector, P.E., Dwyer, D.J. & Jex, S.M. (1988) Relation of Job Stressors To Affective Health And Performance Outcome: A Comparison of Multiple Data Sources, *Journal of Applied Psychology*. 73 (1): 11-19.
- Sufien Hussin (1996) *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Syed Othman Alhabshi dan Hasnan Hakim (September, 2001), *Dasar dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan*, Kertas kerja yang dibentangkan di Kongres Pendidikan Melayu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.
- Travers, C. And Cooper, C (1990). *Survey On Occupational Stress Among Teachers In United Kingdom*, Manchester University Of Manchester Institute Of Science And Technology.
- Trendall, C. (1989) Stress in Teaching And Teacher Effectiveness-A Study Of Teachers Across Mainstream And Education, *Educational Research*, 31 (1): 52-58.
- Walt, S (1987) *Stress Management For Wellness*, Chicago ; Holt, Rinehart And Winson, Inc.
- Wilkinson, G.R. (1998) Teachers Stress And Coping Strategies- A Study Of Eastlake Comprehensive. *School Organization*, 8 (2): 185-195.

## **LAMPIRAN A**



## Correlations(Tahap Stres Guru Sekolah Menengah Luar Bandar)

Correlations

|        |                     | SLAKU   | BEBAN   | RAKAN | MASA    | URUS   | GAJI   |
|--------|---------------------|---------|---------|-------|---------|--------|--------|
| SLAKU  | Pearson Correlation | 1       | .589**  | .031  | .371**  | .172   | .149   |
|        | Sig. (2-tailed)     |         | .000    | .781  | .000    | .115   | .172   |
|        | N                   | 85      | 85      | 85    | 85      | 85     | 85     |
| BEBAN  | Pearson Correlation | .589**  | 1       | -.147 | .606**  | .420** | .239*  |
|        | Sig. (2-tailed)     | .000    |         | .180  | .000    | .000   | .028   |
|        | N                   | 85      | 85      | 85    | 85      | 85     | 85     |
| RAKAN  | Pearson Correlation | .031    | -.147   | 1     | .073    | .056   | .083   |
|        | Sig. (2-tailed)     | .781    | .180    |       | .508    | .611   | .453   |
|        | N                   | 85      | 85      | 85    | 85      | 85     | 85     |
| MASA   | Pearson Correlation | .371**  | .606**  | .073  | 1       | .396** | .343** |
|        | Sig. (2-tailed)     | .000    | .000    | .508  |         | .000   | .001   |
|        | N                   | 85      | 85      | 85    | 85      | 85     | 85     |
| URUS   | Pearson Correlation | .172    | .420**  | .056  | .396**  | 1      | .066   |
|        | Sig. (2-tailed)     | .115    | .000    | .611  | .000    |        | .547   |
|        | N                   | 85      | 85      | 85    | 85      | 85     | 85     |
| GAJI   | Pearson Correlation | .149    | .239*   | .083  | .343**  | .066   | 1      |
|        | Sig. (2-tailed)     | .172    | .028    | .453  | .001    | .547   |        |
|        | N                   | 85      | 85      | 85    | 85      | 85     | 85     |
| TEKNO  | Pearson Correlation | .017    | -.068   | -.034 | -.050   | .119   | .008   |
|        | Sig. (2-tailed)     | .877    | .538    | .759  | .648    | .279   | .944   |
|        | N                   | 85      | 85      | 85    | 85      | 85     | 85     |
| TSTRES | Pearson Correlation | -.305** | -.382** | .145  | -.384** | -.119  | -.258* |
|        | Sig. (2-tailed)     | .004    | .000    | .186  | .000    | .276   | .017   |
|        | N                   | 85      | 85      | 85    | 85      | 85     | 85     |

### Correlations

|        |                     | TEKNO | TSTRES  |
|--------|---------------------|-------|---------|
| SLAKU  | Pearson Correlation | .017  | -.305** |
|        | Sig. (2-tailed)     | .877  | .004    |
|        | N                   | 85    | 85      |
| BEBAN  | Pearson Correlation | -.068 | -.382** |
|        | Sig. (2-tailed)     | .538  | .000    |
|        | N                   | 85    | 85      |
| RAKAN  | Pearson Correlation | -.034 | .145    |
|        | Sig. (2-tailed)     | .759  | .186    |
|        | N                   | 85    | 85      |
